SISTEM TAKSIR SENDIRI

LHDN
MALAYSIA

BUKU PANDUAN C1 2020



Cukai Pendapatan Koperasi

TAMBAHAN / PINDAAN		
Ruang	**Perkara**	**Muka Surat**
A13a & A13b	Layak menuntut insentif di bawah seksyen 127	4
A27D	Hadiah wang dalam bentuk wakaf kepada pihak berkuasa agama / badan agama / universiti awam atau hadiah wang dalam bentuk endowmen kepada universiti awam	9
A37	Pendapatan bercukai dikecualikan di bawah subsubperenggan 12(1)(a) atau 12(1)(b) Jadual 6	10
A38	Pendapatan Bercukai selepas pengecualian	10
G4	Elaun Jadual 7A	17
Bahagian H	Bilangan Ahli Lembaga Koperasi	18
L40 – L40e	Geran / subsidi / bantuan	21
M14	Tertakluk kepada sekatan faedah di bawah seksyen 140C	23
M15a	Tertakluk di bawah Pemberitahuan Pelaporan mengikut Negara (*CbCR*)	24
M15b	Pemberitahuan sebagai entiti pelapor / bukan entiti pelapor telah dikemukakan	24
M15c	Pemberitahuan telah dikemukakan pada atau sebelum hari terakhir tahun kewangan pelaporan	24
M16	Mempunyai akaun kewangan di institusi kewangan di luar Malaysia	24

BERSAMA MEMBANGUN NEGARA

PENDAHULUAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) mengucapkan terima kasih dan menghargai anda yang menjalankan tanggungjawab membayar cukai pendapatan. Sumbangan cukai anda telah membantu membiayai pembangunan serta meningkatkan taraf sosio ekonomi negara.

Bagi mempercepat dan mempermudahkan lagi pelaksanaan tanggungjawab percukaian masing-masing, kerajaan telah memberi kepercayaan kepada pembayar cukai untuk menaksir dan membayar cukai mereka sendiri dengan pengenalan Sistem Taksir Sendiri (STS) mulai tahun taksiran 2004 bagi individu dan pembayar cukai bukan syarikat. Bagi memudahkan anda membuat taksiran sendiri, LHDNM menyediakan beberapa panduan seperti berikut:

(a) Borang C1
Panduan melaporkan pendapatan dan membuat pengiraan cukai pendapatan.
Keterangan terperinci untuk mengisi borang ini dimuatkan dalam Bahagian I Buku Panduan.

(b) Helaian Kerja
Penerangan lengkap bagi setiap Helaian Kerja boleh diperolehi dalam Bahagian II Buku Panduan.

(c) Lampiran
Disediakan bagi membantu anda mengira pendapatan larasan dan menyediakan maklumat-maklumat lain yang diperlukan bagi mengisi Borang C1.

Penerangan lengkap disediakan di Bahagian II Buku Panduan dan di lampiran-lampiran berkenaan.

(d) Buku Panduan
Buku Panduan yang disediakan mengandungi panduan-panduan untuk membolehkan pembayar cukai membuat pengiraan yang betul, mengisi Borang C1 dan menyediakan dokumen yang lengkap untuk tujuan semakan.

LHDNM sentiasa bersedia membantu anda dalam membuat taksiran sendiri atau memberi penerangan dalam mengisi Borang C1, Helaian Kerja dan Lampiran-Lampiran. Borang C1 yang lengkap hendaklah dikembalikan ke LHDNM dalam tempoh yang ditetapkan. Borang C1 yang lengkap dianggap sebagai notis taksiran.

Sekian, terima kasih.

KANDUNGAN BUKU PANDUAN

Perkara		Muka Surat
PENDAHULUAN		i
BAHAGIAN I - Borang C1		
Maklumat Asas		1
Bahagian A :	Pendapatan Berkanun, Jumlah Pendapatan Dan Pendapatan Bercukai	6
	Pendapatan Berkanun Perniagaan	6
	Pendapatan Berkanun Perkongsian	7
	Pendapatan Berkanun Lain	7
	Perbelanjaan Lain	8
Bahagian B :	Cukai Kena Dibayar / Dibayar Balik	11
Bahagian C :	Kedudukan Cukai	14
Bahagian D :	Perbelanjaan Khas, Potongan Selanjutnya Dan Potongan Dua Kali	15
Bahagian E :	Tuntutan Elaun Jadual 3	15
Bahagian F :	Rumusan Kerugian	16
Bahagian G :	Tuntutan Insentif	17
Bahagian H :	Maklumat Ahli-Ahli Lembaga Koperasi	18
Bahagian J :	Pendapatan Tahun Kebelakangan Yang Belum Dilaporkan	19
Bahagian K :	Pelupusan Aset Di Bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976	19
Bahagian L :	Maklumat Kewangan Koperasi (Perniagaan Utama)	19
Bahagian M :	Maklumat Koperasi	22
Akuan		25
Maklumat Firma Dan Tandatangan Orang Yang Menyediakan Borang Nyata Ini		25
BAHAGIAN II - Lampiran Dan Helaian Kerja		
Pendahuluan		26
Pengasingan Pendapatan Mengikut Punca		27
LAMPIRAN A1		28
Pendapatan Kasar Perniagaan		30
Perbelanjaan yang Dibenarkan		31
Perbelanjaan yang Tidak Dibenarkan		32

Perkara **Muka Surat**

PERINGATAN 33

Pelarasan Pendapatan atau Perbelanjaan 33

Bayaran kontrak / subkontrak, bayaran komisen dan sewa dan lain-lain bayaran khidmat yang dikontrak kepada pemastautin 33

Bayaran kontrak kepada bukan pemastautin (penerimaan oleh kontraktor bukan mastautin - seksyen 107A digunapakai) 33

Bayaran fi mengurus (*management fee*) kepada penerima mastautin 33

Bayaran / Fi bagi khidmat profesional, teknikal atau pengurusan dan sewa kepada bukan pemastautin (pendapatan seksyen 4A) 33

Kenaan atau agihan perbelanjaan oleh ibu pejabat kepada cawangan di Malaysia 34

Perjalanan ke luar negara 34

Perniagaan pemaju perumahan 34

Ketetapan umum, warta kerajaan dan garis panduan 34

LAMPIRAN A2 PENGIRAAN PENDAPATAN LARASAN PERNIAGAAN INSURANS HAYAT

BAHAGIAN A2(a): Pengiraan Pendapatan Larasan Perniagaan Insurans Hayat Berkaitan Dana Hayat

Pengasingan pendapatan mengikut punca 35

Penggunaan pengenalan perniagaan 35

Cara mengguna Bahagian A2(a) Lampiran A2 35

BAHAGIAN A2(b): Pengiraan Pendapatan Larasan Perniagaan Insurans Hayat Berkaitan Dana Pemegang Saham

Pengasingan pendapatan mengikut punca 35

Penggunaan pengenalan perniagaan 35

Cara mengguna Bahagian A2(b) Lampiran A2 35

LAMPIRAN A2A PENGIRAAN PENDAPATAN LARASAN PERNIAGAAN TAKAFUL

BAHAGIAN A2A(a): Pengiraan Pendapatan Larasan Perniagaan Takaful Berkaitan Dana Takaful Keluarga

Pengasingan pendapatan mengikut punca 36

Penggunaan pengenalan perniagaan 36

Cara mengguna Bahagian A2A(a) Lampiran A2A 36

BAHAGIAN A2A(b): Pengiraan Pendapatan Larasan Perniagaan Takaful Berkaitan Dana Pengendali Takaful 37

LAMPIRAN A3 PENGIRAAN PENDAPATAN LARASAN BAGI PERNIAGAAN INSURANS AM

Pengasingan pendapatan mengikut punca 37

Penggunaan pengenalan perniagaan 37

Pengenalan perniagaan bagi perniagaan insurans komposit 37

Cara mengguna Lampiran A3 37

Perkara **Muka Surat**

LAMPIRAN A3A PENGIRAAN PENDAPATAN LARASAN BAGI PERNIAGAAN TAKAFUL AM

Pengasingan pendapatan mengikut punca 38

Penggunaan pengenalan perniagaan 38

Pengenalan perniagaan bagi perniagaan takaful komposit 38

Cara mengguna Lampiran A3A 38

Lampiran-Lampiran Lain 39

HELAIAN KERJA 40

Bahagian I –Borang C1

MAKLUMAT ASAS

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
1	Nama koperasi	Nama koperasi seperti yang didaftarkan di pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Jika koperasi telah bertukar nama, sila catatkan nama lama dalam kurungan dan kemukakan Notis Pendaftaran Nama Baharu kepada: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Bahagian Pengurusan Rekod & Maklumat Percukaian Jabatan Operasi Cukai Menara Hasil Bangi No. 3, Jalan 9/10, Seksyen 9 Karung Berkunci 221 43659 Bandar Baru Bangi, Selangor	-	-
2	No. rujukan (no. pendaftaran)	Nombor pendaftaran dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia.	-	-
3	No. cukai pendapatan	Nombor rujukan cukai pendapatan koperasi. *Contoh* : CS 0215154301 **CS** 0 2 1 5 1 5 4 3 0 1	-	-
4	No. majikan	Nombor cukai pendapatan majikan yang terawal sekali, jika terdapat lebih daripada satu fail majikan. *Contoh* : E 0202154402 **E** 0 2 0 2 1 5 4 4 0 2	-	-
5	Kategori	Isikan kategori yang berkenaan di dalam petak yang disediakan: ‘1’ - Koperasi; ‘2’ - Pertubuhan peladang; ’3’ - Persatuan nelayan; atau ‘4’ - Lain-lain	-	-
6	Status perniagaan	Isikan status perniagaan pada akhir tempoh asas. Isi ‘1’ jika koperasi sedang beroperasi. Isi ‘2’ bagi koperasi yang dorman, iaitu: • koperasi belum memulakan operasi perniagaan sejak ditubuhkan; atau • koperasi pernah beroperasi atau menjalankan perniagaan tetapi telah berhenti operasi / perniagaan. Isi ‘3’ jika koperasi sedang dalam proses pelikuidasian.	-	-
7	Tarikh mula beroperasi	Tarikh koperasi bermula operasi.	-	-
8	Tempoh perakaunan	Tarikh mula dan tutup tempoh perakaunan koperasi. Sila rujuk contoh-contoh di ruang 9.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
9	Tempoh asas	Tempoh asas bagi tahun taksiran semasa. Jika koperasi baru beroperasi atau menukar tarikh tutup akaunnya, sila isi tarikh mula dan tutup tempoh asas yang betul di ruang 9.		

Contoh 1: **Koperasi yang baru beroperasi**

Akaun pertama : 1.5.2019 hingga 31.3.2020 (11 bulan)
Akaun kedua : 1.4.2020 hingga 31.3.2021 (12 bulan)

Ruang 8 dan 9 perlu diisi seperti berikut:-

Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas
2020	**01/05/2019– 31/03/2020**	**01/05/2019 – 31/03/2020** (11 bulan)
2021	01/04/2020 – 31/03/2021	01/04/2020 – 31/03/2021 (12 bulan)

Contoh 2: **Koperasi yang baru beroperasi**

Akaun pertama : 1.2.2019 hingga 30.4.2020 (15 bulan)
Akaun kedua : 1.5.2020 hingga 30.4.2021 (12 bulan)

Ruang 8 dan 9 perlu diisi seperti berikut:-

Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas
2020	**01/02/2019 – 30/04/2020**	**01/02/2019 – 30/04/2020** (15 bulan)
2021	01/05/2020 – 30/04/2021	01/05/2020 – 30/04/2021 (12 bulan)

Contoh 3: **Pertukaran tempoh perakaunan**

Akaun sedia ada : 1.3.2018 hingga 28.2.2019 (12 bulan)
Akaun berikutnya : 1.3.2019 hingga 31.12.2019 (10 bulan)
1.1.2020 hingga 31.12.2020 (12 bulan)

Ruang 8 dan 9 perlu diisi seperti berikut:-

Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas
2019	01/03/2018 – 28/02/2019	01/03/2018 – 28/02/2019 (12 bulan)
2020	**01/03/2019 – 31/12/2020**	**01/03/2019 – 31/12/2020** (22 bulan)

Contoh 4: **Pertukaran tempoh perakaunan**

Akaun sedia ada : 1.7.2018 hingga 30.6.2019 (12 bulan)
Akaun berikutnya : 1.7.2019 hingga 31.5.2021 (23 bulan)
1.6.2021 hingga 31.5.2022 (12 bulan)

Ruang 8 dan 9 perlu diisi seperti berikut:-

Tahun Taksiran	Tempoh Perakaunan	Tempoh Asas
2019	01/07/2018 – 30/06/2019	01/07/2018 – 30/06/2019 (12 bulan)
2020	01/07/2019 – 31/05/2021	**01/07/2019 – 30/06/2020** (12 bulan)
2021		01/07/2020 – 31/05/2021 (11 bulan)
2022	01/06/2021 – 31/05/2022	01/06/2021 – 31/05/2022 (12 bulan)

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
		Contoh 5: **<u>Pertukaran tempoh perakaunan</u>** Akaun sedia ada : Akaun berakhir 31 Disember Akaun berikutnya : 1.1.2019 hingga 31.5.2019 (5 bulan) 1.6.2019 hingga 31.5.2020 (12 bulan) Ruang 8 dan 9 perlu diisi seperti berikut:- <u>Tahun Taksiran</u> | <u>Tempoh Perakaunan</u> | <u>Tempoh Asas</u> 2019 | 01/01/2019 – 31/05/2019 | 01/01/2019 – 31/05/2019 (5 bulan) **2020** | **01/06/2019 – 31/05/2020** | **01/06/2019 – 31/05/2020** (12 bulan)		
10	Penyimpanan rekod	Penyimpanan rekod yang mencukupi seperti dikehendaki di bawah peruntukan ACP 1967. Tandakan '1' dalam petak untuk 'Ya' sekiranya mematuhi atau '2' jika tidak.	-	-
11	Menjalankan perniagaan e-Dagang	Isi '1' dalam petak untuk 'Ya' jika koperasi berkenaan ada menjual apa-apa barang atau memberi perkhidmatan secara dalam talian. Jika 'Ya', isi juga ruang M6 di muka surat 11 dalam borang. Koperasi dianggap menjalankan perniagaan e-Dagang sekiranya dalam menghasilkan pendapatan, internet digunakan untuk:- (i) menerima tempahan barangan atau perkhidmatan. *Contoh*: Koperasi menerima tempahan melalui e-mel, laman sesawang atau media sosial dan bukan melalui pos biasa, telefon atau faksimili. (ii) menerima bayaran untuk barangan atau perkhidmatan. *Contoh*: Koperasi menerima bayaran tunai digital dengan kad kredit atau kad caj melalui e-mel atau laman sesawang dan bukan melalui pos biasa, telefon atau faksimili. (iii) membekalkan barangan atau perkhidmatan. *Contoh*: Koperasi berkenaan: - menggunakan e-mel, internet atau protokol pindahan fail untuk membekalkan muzik digital, artikel atau perisian, dan bukannya kaedah konvensional untuk menyampaikan perisian dalam bentuk cakera. - menggunakan e-mel berserta laman sesawang untuk memberi nasihat dan menerima bayaran bagi nasihat tersebut. - menerima bayaran bagi mengiklankan barangan atau perkhidmatan di internet untuk entiti lain. - adalah pemilik laman sesawang. - menyediakan perkhidmatan akses ke internet. Isi '2' untuk 'Tidak' jika koperasi tidak menjalankan e-Dagang atau tidak berkenaan.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
12	Pendapatan koperasi boleh dikecualikan cukai pendapatan di bawah peruntukan-peruntukan berikut:-	**Subsubperenggan 12(1)(a) Jadual 6 ACP 1967** Pendapatan koperasi dikecualikan cukai bagi tempoh lima (5) tahun pertama dari tarikh koperasi didaftarkan dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia. **Subsubperenggan 12(1)(b) Jadual 6 ACP 1967** Selepas lima tahun, koperasi masih boleh mendapat pengecualian sekiranya Kumpulan Wang Ahli pada hari pertama tempoh asas adalah kurang daripada RM750,000. **Peringatan:** Borang nyata ini hendaklah dilengkapkan dan dikemukakan walaupun pendapatan koperasi dikecualikan cukai pendapatan. Jika pendapatan koperasi dikecualikan cukai pendapatan di bawah subsubperenggan 12(1)(a) atau 12(1)(b) Jadual 6 ACP 1967, isikan amaun pendapatan bercukai dikecualikan berkenaan di ruang A37.	-	-
12a	Pengecualian bagi tempoh 5 tahun pertama dari tarikh pendaftaran	Isikan '1' ('Ya') di ruangan yang berkaitan dengan jenis pengecualian yang dinikmati bagi tahun taksiran semasa. Sekiranya tempoh pengecualian di bawah subsubperenggan 12(1)(a) tamat dalam tempoh asas di mana koperasi juga layak mendapat pengecualian di bawah subsubperenggan 12(1)(b), koperasi hanya perlu mengisi '1' di ruangan 12b seperti contoh berikut:	-	-
12b	Kumpulan Wang Ahli kurang daripada RM750,000 pada hari pertama tempoh asas	*Contoh*: Akaun koperasi berakhir pada 31 Disember. Tarikh daftar koperasi: 1 Jun 2015 **Jenis Pengecualian** / **Tempoh Pengecualian** Subsubperenggan 12(1)(a) — 01/06/2015 – 31/05/2020 Subsubperenggan 12(1)(b) (Kumpulan Wang Ahli pada 1 Januari 2020 adalah RM600,000) — 01/01/2020 – 31/12/2020 ATAU Isi '2' ('Tidak') sekiranya tidak berkenaan.		
13a	Layak menuntut insentif di bawah seksyen 127	Merujuk kepada insentif (contohnya pengecualian) di bawah peruntukan perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP 1967 yang layak dituntut mengikut warta Kerajaan atau surat kelulusan Menteri. *1 = Perenggan 127(3)(b) ACP 1967* Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana kelas orang daripada mematuhi mana-mana peruntukan ACP 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan. *2 = Subseksyen 127(3A) ACP 1967* Pengecualian yang diberikan oleh Menteri Kewangan kepada mana-mana orang tertentu daripada mematuhi mana-mana peruntukan ACP 1967 secara umum atau berkenaan mana-mana pendapatan. *3 = Tidak berkenaan* (i) Tandakan 'X' dalam petak bagi jenis / jenis-jenis insentif yang:- • layak dinikmati dan tuntutan dibuat bagi tahun semasa; atau • layak dinikmati tetapi tuntutan tidak dapat dibuat bagi tahun semasa atas sebab seperti kerugian perniagaan.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
		(ii) Tandakan 'X' dalam petak 'Tidak berkenaan' sekiranya:- • tidak layak menuntut insentif; • permohonan insentif tidak diluluskan oleh Menteri; atau • tidak berkenaan.		
13b	Jika 13a = 1, dan / atau 2, nyatakan	Jika A13a = 1 dan / atau 2, kemukakan maklumat yang diperlukan seperti berikut: • No. P.U. (A) / No. Kelulusan Insentif Nyatakan nombor P.U. (A) warta Kerajaan atau nombor surat kelulusan Menteri Kewangan bagi insentif berkenaan. • Amaun Pendapatan Dikecualikan Amaun daripada pengiraan. Warta Kerajaan / surat kelulusan Menteri hendaklah disimpan untuk rujukan / semakan LHDNM sekiranya diperlukan kelak.	-	-
14	Membuat bayaran dalam tempoh asas kepada bukan pemastautin yang tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 107A, 109, 109A, 109B dan 109F	Isikan '1' dalam petak untuk 'Ya' sekiranya koperasi membuat bayaran dalam tempoh asas kepada bukan pemastautin yang tertakluk kepada cukai pegangan di bawah seksyen 107A, 109, 109A, 109B dan 109F. Isikan '2' dalam petak untuk 'Tidak' jika tidak berkenaan. Helaian Kerja HK-M boleh digunakan sebagai panduan / rekod untuk penyimpanan. Jenis-jenis cukai pegangan adalah seperti berikut: **Cukai pegangan di bawah seksyen 107A** Bahagian perkhidmatan kontrak yang dibayar kepada kontraktor bukan pemastautin. Kadar cukai pegangan: 10% atas jumlah kasar [perenggan 107A(1)(a)] *Tambah* 3% atas jumlah kasar [perenggan 107A(1)(b)] (Peraturan dan prosedur membuat bayaran kepada Unit / Cawangan Pungutan LHDNM hendaklah dipatuhi). **Cukai pegangan di bawah seksyen 109** Faedah atau royalti yang dibayar kepada bukan pemastautin. Kadar cukai seperti ditetapkan dalam Bahagian II Jadual 1 ACP 1967: Faedah - 15% atas jumlah kasar Royalti - 10% atas jumlah kasar kecuali jika terdapat kadar berbeza yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (Rujuk Lampiran F). **Cukai pegangan di bawah seksyen 109A** Bayaran kepada penghibur awam untuk perkhidmatan yang dilaksanakan di Malaysia. Kadar cukai seperti ditetapkan dalam Bahagian II Jadual 1 ACP 1967 iaitu 15% atas jumlah kasar. **Cukai pegangan di bawah seksyen 109B** Bayaran jenis kelas khas di bawah seksyen 4A ACP 1967 yang dibayar kepada bukan pemastautin. Kadar cukai seperti ditetapkan dalam Bahagian V Jadual 1 ACP 1967 iaitu 10% atas jumlah kasar kecuali jika terdapat kadar berbeza yang ditetapkan dalam Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (Rujuk Lampiran F).	HK-M	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
		Cukai pegangan di bawah seksyen 109F Bayaran yang dibuat kepada bukan pemastautin. Kadar cukai seperti ditetapkan dalam Bahagian XIII Jadual 1 ACP 1967 iaitu 10% atas jumlah kasar perolehan atau keuntungan di bawah perenggan 4(f) yang diperoleh dari Malaysia.		

Kedudukan Cukai

Untuk mempercepatkan pemprosesan borang nyata, koperasi dinasihatkan supaya mengisi Bahagian ini dengan betul berdasarkan pengiraan cukai yang telah dibuat sehingga Bahagian C di muka surat 4 Borang C1 2020. Isikan satu petak sahaja dengan menandakan 'X' dalam petak yang berkenaan.

BAHAGIAN A: PENDAPATAN BERKANUN, JUMLAH PENDAPATAN DAN PENDAPATAN BERCUKAI

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
Pengenalan perniagaan				
Sila rujuk kepada 'Pengasingan Pendapatan Mengikut Punca' dalam Bahagian II, Buku Panduan ini di muka surat 27.				
Pendapatan Berkanun Perniagaan				
A1	Pendapatan berkanun perniagaan (Perniagaan 1)	Perniagaan 1 adalah seperti yang ditetapkan mengikut penerangan di Bahagian II, Buku Panduan ini.	-	-
A1	Kod perniagaan	Dapatkan kod perniagaan untuk Perniagaan 1 dari Lampiran G.	-	G
A1	Amaun	Pindahkan amaun pendapatan berkanun yang dikenakan cukai dari helaian kerja yang berkenaan. Isikan '0' bagi kerugian.	HK-PC1, HK-PC2, HK-PC4, HK-PC5, HK-PC9 atau HK-PC9A (yang mana berkenaan)	A1, A2, A2A, A3 atau A3A (yang mana berkenaan)
A2 A3 A4	Perniagaan 2 Perniagaan 3 Perniagaan 4	Keterangan seperti A1.	Seperti A1	Seperti A1
A5	Perniagaan 5 + 6 dan seterusnya	Keterangan seperti A1. Sekiranya koperasi mempunyai lebih daripada lima perniagaan, sila jumlahkan dan masukkan pendapatan berkanun perniagaan 5 dan seterusnya ke ruang A5. Sila senaraikan secara berasingan mengikut format A1 hingga A4 dan kepilkan bersama Borang C1. Bagi pengemukaan borang secara e-Filing (e-C1), sila simpan senarai tersebut untuk rujukan / semakan sekiranya diperlukan kelak.	Seperti A1	Seperti A1

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
<u>Pendapatan Berkanun Perkongsian</u>				
Jika koperasi menjadi rakan kongsi bagi dua atau lebih perkongsian, penentuan hendaklah dibuat untuk menetapkan perkongsian tersebut sebagai perkongsian 1, perkongsian 2 dan seterusnya. Apabila melaporkan pendapatan perkongsian dalam borang nyata koperasi, cara pengenalan ini hendaklah digunakan.				
A6	Pendapatan berkanun perkongsian (Perkongsian 1)	Perkongsian 1 seperti yang ditetapkan.	-	-
A6	No. cukai pendapatan	Nyatakan nombor rujukan cukai pendapatan perkongsian. *Contoh* : D 234567709 **D** 0 2 3 4 5 6 7 7 0 9	-	-
A6	Amaun	Masukkan amaun yang dilaraskan atau pelarasan yang diperakui oleh LHDNM melalui Borang CP30. Buat pengiraan pendapatan berkanun dalam Helaian Kerja HK-PC1 (muka surat HK-PC1: 2/2) dan pindahkan amaun C ke ruang ini.	HK-PC1	-
A7	Perkongsian 2	Keterangan seperti A6.	HK-PC1	-
A8	Perkongsian 3			
A9	Perkongsian 4			
A10	Perkongsian 5 + 6 dan seterusnya	Keterangan seperti A6. Sekiranya koperasi mempunyai lebih daripada lima perkongsian, sila jumlahkan dan masukkan pendapatan berkanun perkongsian 5 dan seterusnya ke ruang A10. Sila senaraikan secara berasingan mengikut format A6 hingga A9 dan kepilkan bersama Borang C1. Bagi pengemukaan borang secara e-Filing (e-C1), sila simpan senarai tersebut untuk rujukan / semakan sekiranya diperlukan kelak.	Seperti A6	Seperti A6
A11	Agregat pendapatan berkanun perniagaan	Jumlah semua pendapatan berkanun perniagaan dan perkongsian dari A1 hingga A10.	-	-
A12	Rugi perniagaan bawa hadapan	Kerugian perniagaan yang belum diserap oleh pendapatan tahun taksiran sebelumnya. Jika amaun A12 melebihi amaun A11, isikan amaun A11 dalam ruang ini. Masukkan baki kerugian yang belum diserap (baki hantar hadapan) dalam ruang (k) Bahagian F, Borang C1. Isikan '0' jika tiada kerugian bawa hadapan.	HK-F1	-
A13	JUMLAH	A11 *tolak* A12.	-	-
A14	Dividen	Amaun C dari Helaian Kerja HK-C14.	HK-C14	B3 atau B4
A15	Faedah dan diskaun	Amaun C dari Helaian Kerja HK-C15.	HK-C15	B2, B3 atau B4 (yang mana berkenaan)

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A16	Sewa, royalti dan premium	Sewa - Pindahkan jumlah pendapatan berkanun (amaun C) dari Helaian Kerja HK-C16 ke ruang ini. Royalti - Pindahkan jumlah pendapatan berkanun (amaun F) dari Helaian Kerja HK-C15 ke ruang ini.	HK-C16 dan HK-C15	B2, B3, B4 atau B5 (yang mana berkenaan)
A17	Pendapatan lain	Pendapatan selain daripada A14 hingga A16 yang boleh dikenakan cukai.	-	-
A18	Tambahan mengikut peruntukan perenggan 43(1)(c)	Perolehan-perolehan berikut dianggap pendapatan dan diambil kira di peringkat pendapatan agregat koperasi: - Perolehan ini berkaitan dengan perbelanjaan operasi mencari gali di bawah Jadual 4 ACP 1967. - Perolehan ini diambil kira dalam pengiraan cukai jika tuntutan perbelanjaan telah dibuat. - Rujuk kepada perenggan 43(1)(c) dan perenggan 16 Jadual 4 untuk membuat pengiraan pendapatan yang perlu dimasukkan sebagai pendapatan agregat koperasi. - Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan. Masukkan amaun hasil pengiraan dalam ruang ini.	-	-
A19	Agregat pendapatan berkanun lain	Campur semua pendapatan berkanun dari A14 hingga A18.	-	-
A20	PENDAPATAN AGREGAT	A13 *campur* A19.	-	-
A21	Rugi perniagaan tahun semasa	Gunakan helaian kerja yang berkenaan untuk membuat pelarasan kerugian (jika berkenaan). Kerugian larasan perniagaan dikira berpandukan format Lampiran A1. Campur semua kerugian larasan jika koperasi menjalankan lebih daripada satu perniagaan dan masukkan amaun tersebut dalam ruang D Helaian Kerja HK-F1. Amaun di A21 dihadkan kepada amaun di A20. Jika amaun di A21 melebihi amaun di A20, masukkan amaun A20 dalam ruang ini. Pindahkan amaun dari ruang A21 (kerugian yang boleh diserap) ke ruang E Helaian Kerja HK-F1.	HK-F1	A1
A22	JUMLAH	A20 *tolak* A21.	-	-

Perbelanjaan Lain

Peruntukan undang-undang membolehkan perbelanjaan berikut dibenarkan sebagai potongan dari pendapatan agregat koperasi. Buat tuntutan di mana layak sahaja dan isikan ruang yang berkenaan.

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A23	Perbelanjaan mencari gali - Jadual 4 dan perenggan 44(1)(b)	Rujuk kepada perenggan 44(1)(b) dan Jadual 4 untuk menentukan kelayakan; dan perenggan 5 Jadual 4 untuk membuat pengiraan. Simpan pengiraan dengan teratur untuk semakan. Masukkan amaun tuntutan (baki tahun-tahun sebelum dan tuntutan tahun semasa) dalam ruang ini. Amaun ini dihadkan kepada amaun A22. Baki yang tidak boleh diserap oleh A22 (jika ada) dimasukkan ke ruang G1.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A24	Perbelanjaan pra-operasi perniagaan - Jadual 4B dan perenggan 44(1)(b)	Tidak berkenaan.	-	-
A25	JUMLAH	A22 *tolak* A23 *tolak* A24 Isikan '0' jika hasil tolakan adalah negatif.	-	-
A26	Hadiah wang kepada Kerajaan / Kerajaan Negeri / pihak berkuasa tempatan	Hadiah wang tunai kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri atau pihak berkuasa tempatan. Subseksyen 44(6) ACP 1967	-	-
A27A	Hadiah wang kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan	Hadiah wang tunai kepada institusi / organisasi / tabung yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Subseksyen 44(6) dan proviso, ACP 1967	-	-
A27B	Hadiah wang bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan	Hadiah wang tunai bagi aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Subseksyen 44(11B) dan proviso, ACP 1967	-	-
A27C	Hadiah wang atau kos sumbangan manfaat bagi projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan	Hadiah wang tunai atau kos sumbangan manfaat bagi projek berkepentingan negara yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Subseksyen 44(11C) dan proviso, ACP 1967	-	-
A27D	Hadiah wang dalam bentuk wakaf kepada pihak berkuasa agama / badan agama / universiti awam atau hadiah wang dalam bentuk endowmen kepada universiti awam	Hadiah wang dalam bentuk:- a) wakaf kepada mana-mana pihak berkuasa agama bersesuaian yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, badan yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai itu atau universiti awam yang dibenarkan oleh pihak berkuasa agama yang sesuai itu untuk menerima wakaf; atau b) endowmen kepada universiti awam. Wakaf atau endowmen hendaklah disumbang bagi tujuan mencapai objektif penubuhan pihak berkuasa agama yang sesuai, badan atau university awam. **Maksud 'universiti awam':** Institusi pendidikan tinggi berstatus Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Universiti Teknologi MARA yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173). Pihak berkuasa agama yang sesuai, badan atau universiti awam mesti diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bagi maksud subseksyen 44(11D). Subseksyen 44(11D) dan proviso, ACP 1967	Terhad kepada 10% daripada A20 -	-


Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
A28	Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan	Hadiah artifak, manuskrip atau lukisan kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Jabatan Muzium Malaysia atau Jabatan Arkib Negara. Subseksyen 44(6A) ACP 1967	-	-
A29	Hadiah wang untuk kemudahan perpustakaan atau kepada perpustakaan	Hadiah wang yang tidak melebihi RM20,000 bagi menyediakan kemudahan perpustakaan awam serta perpustakaan sekolah dan institusi pendidikan tinggi dengan syarat, tuntutan bagi perbelanjaan yang sama tidak dibuat di bawah perenggan 34(6)(g) ACP 1967 dalam mengira pendapatan larasan perniagaan. Subseksyen 44(8) ACP 1967	-	-
A30	Hadiah lukisan kepada Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri	Hadiah lukisan adalah berdasarkan pada nilai yang ditentukan oleh Balai Seni Lukis Negara atau balai seni lukis negeri. Subseksyen 44(11) ACP 1967	-	-
A31	Zakat perniagaan	Terhad kepada 2.5% daripada pendapatan agregat di A20.	-	-
A32	JUMLAH PENDAPATAN	A25 *tolak* A26 hingga A31. Isikan '0' jika hasil tolakan adalah negatif.	-	-
A33	PENDAPATAN PERINTIS KENA CUKAI	Rujuk kepada seksyen 5 hingga seksyen 25 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 untuk menentukan kelayakan dan membuat pengiraan. Amaun dari Helaian Kerja HK-PC2.	HK-PC2	-
A34	Potongan di bawah perenggan 65A(a)	Guna Helaian Kerja HK-C30 untuk membuat pengiraan potongan. Pindahkan amaun Z dari Helaian Kerja HK-C30 ke ruang ini.	HK-C30	-
A35	Potongan di bawah perenggan 65A(b)	Guna Helaian Kerja HK-C31 untuk membuat pengiraan potongan. Pindahkan amaun Y dari Helaian Kerja HK-C31 ke ruang ini.	HK-C31	-
A36	PENDAPATAN BERCUKAI	A32 *campur* A33 *tolak* A34 hingga A35.	-	-
A37	Pendapatan bercukai dikecualikan di bawah subsubperenggan 12(1)(a) atau 12(1)(b) Jadual 6	Jika ruang 12a atau 12b = Ya, isikan amaun pendapatan bercukai dikecualikan di bawah subsubperenggan 12(1)(a) atau 12(1)(b) Jadual 6 di ruangan ini.	-	-
A38	PENDAPATAN BERCUKAI selepas pengecualian	A36 *tolak* A37.	-	-

BAHAGIAN B: CUKAI KENA DIBAYAR / DIBAYAR BALIK

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
B1	Pendapatan bercukai	Pengiraan dibuat di Bahagian A Borang C1. Pendapatan bercukai ialah jumlah dari ruang A38. Isikan '0' jika koperasi tidak ada pendapatan bercukai.	-	-
B2	PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN (ATAS KADAR KOPERASI)	Pengiraan cukai pendapatan bagi pendapatan bercukai **selain daripada** pendapatan insurans semula insurans nyawa dan lain-lain pendapatan yang dikenakan cukai atas kadar tertentu. Rujuk jadual dan contoh pengiraan yang disediakan seperti berikut:	-	-

JADUAL CUKAI

KATEGORI	BANJARAN PENDAPATAN BERCUKAI RM (a)	PENGIRAAN CUKAI RM (b)	KADAR % (c)	CUKAI RM (d)
A	1 - 30,000	30,000 pertama	0	0
B	30,001 - 60,000	30,000 berikutnya	5	1,500
C	60,001 - 100,000	60,000 pertama 40,000 berikutnya	10	1,500 4,000
D	100,001 - 150,000	100,000 pertama 50,000 berikutnya	15	5,500 7,500
E	150,001 - 250,000	150,000 pertama 100,000 berikutnya	18	13,000 18,000
I	250,001 - 500,000	250,000 pertama 250,000 berikutnya	21	31,000 52,500
J	500,001 - 750,000	500,000 pertama 250,000 berikutnya	23	83,500 57,500
K	750,000 dan ke atas	750,000 pertama setiap ringgit berikutnya	24	141,000 ……
L	Potongan yang dibenarkan ke atas pendapatan berasaskan kepada jumlah amaun kumpulan wang ahli-ahli		8	……..

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
B2a	Cukai ke atas yang pertama	Cara pengiraan cukai: Sesuaikan amaun B1 Borang C1 (Pendapatan Bercukai) dengan banjaran pendapatan bercukai yang disediakan dalam jadual cukai.	-	-
B2b	Cukai ke atas baki	***Contoh*:** Pendapatan bercukai seperti B1 **RM 67,657,957** Guna Jadual Cukai untuk pengiraan seperti berikut: Cukai di atas **RM 750,000** yang pertama **RM 141,000.00** Cukai di atas baki **RM 66,907,957 @ 24%** **RM 16,057,909.68** Jumlah Cukai Pendapatan **RM 16,198,909.68** Masukkan di ruang B2a dan B2b dalam Borang C1 seperti berikut: 		
B3	PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN (ATAS KADAR DITETAPKAN)	Bahagian pendapatan bercukai daripada perniagaan insurans semula, insurans nyawa serta lain-lain perniagaan yang dikenakan cukai atas kadar tertentu dibuat di ruang B3a, B3b dan B3c.	-	-
B3a	Pecahan pendapatan bercukai – kadar 8%	Amaun pendapatan bercukai dari Helaian Kerja HK-PC9 dan / atau HK-PC9A yang kena cukai atas kadar 8%. (Rujuk Jadual 1 Akta Cukai Pendapatan 1967) ***Contoh*:** Pendapatan dana hayat perniagaan insurans nyawa Cukai pendapatan = RM 88,888 x 8% = RM 7,111.04	HK-PC9 & HK-PC9A	-
B3b dan B3c	Pecahan pendapatan bercukai – kadar lain	Amaun pendapatan bercukai dari Helaian Kerja HK-PC9 dan / atau HK-PC9A yang kena cukai atas kadar selain daripada kadar di ruang B3a.	HK-PC9 & HK-PC9A	-
B4	Jumlah cukai pendapatan	Campurkan amaun B2a, B2b, B3a, B3b dan B3c.	-	-
B5	Tolakan cukai seksyen 110 (lain-lain)	Masukkan jumlah cukai dipotong (amaun B) dari Lampiran B2 ke dalam ruang ini. Tolakan cukai Seksyen 110 (lain-lain) TIDAK termasuk bayaran cukai pegangan yang tertakluk di bawah Seksyen 107A.	-	B2

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
B6	Pelepasan cukai seksyen 132	Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan yang dibawa masuk ke Malaysia, di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang telah memeterai Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) dengan Malaysia. Rujuk Lampiran F untuk menentukan negara-negara yang telah memeterai PPPDK dengan Malaysia.	-	F
		Senaraikan pendapatan, cukai yang dipotong di negara asing dan pengiraan pelepasan di bawah seksyen 132 di Lampiran B3. Pindahkan amaun B dari Lampiran B3 ke ruang ini. Simpan dokumen asal mengenai pendapatan dan cukai yang dikenakan di negara asal dengan teratur untuk tujuan semakan Rujuk kepada peruntukan Jadual 7 ACP 1967 untuk membuat pengiraan kredit.	-	B3 Terhad kepada B4
B7	Pelepasan cukai seksyen 133	Pelepasan cukai berhubung dengan pendapatan yang dibawa masuk ke Malaysia, di mana cukai telah dikenakan di negara asal yang TIDAK memeterai Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali dengan Malaysia. Senaraikan pendapatan, cukai yang dipotong di negara asing dan pengiraan pelepasan di bawah seksyen 133 di Lampiran B4. Pindahkan amaun B dari Lampiran B4 ke ruang ini. Simpan dokumen asal mengenai pendapatan dan cukai yang dikenakan di negara asal dengan teratur untuk tujuan semakan. Rujuk kepada peruntukan Jadual 7 ACP 1967 untuk membuat pengiraan kredit.	-	B4
B8	Jumlah tolakan / pelepasan	Campurkan B5 hingga B7.	-	-
B9	CUKAI KENA DIBAYAR	B4 *tolak* B8.	-	-
B10	CUKAI KENA DIBAYAR BALIK	B8 *tolak* B4. Ruang ini berkenaan jika jumlah tolakan dan pelepasan di ruang B8 melebihi jumlah di ruang B4. (Bagi kes 'Cukai Kena Dibayar Balik' sila isi ruang M7 hingga M9 di muka surat 11 Borang C1). Sila kemukakan Lampiran B2 / B3 / B4 (yang mana berkenaan) ke:- Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Bahagian Pengurusan Rekod & Maklumat Percukaian Jabatan Operasi Cukai Menara Hasil Bangi No. 3, Jalan 9/10, Seksyen 9 Karung Berkunci 221 43659 Bandar Baru Bangi, Selangor	-	B2, B3 dan B4

BAHAGIAN C: KEDUDUKAN CUKAI

Pelarasan antara cukai kena dibayar dan cukai telah dibayar (melalui skim ansuran) dibuat di bahagian ini.

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
C1	Cukai kena dibayar	Amaun daripada ruang B9. Sila isi '0' dalam ruang ini jika layak mendapat bayaran balik seperti di ruang B10.	-	-
C2	Bayaran ansuran yang telah dijelaskan	Bayaran ini tidak termasuk amaun tunggakan di mana amaun tersebut akan diambil kira untuk cukai tahun taksiran kebelakangan.	-	-
C3	Baki cukai kena dibayar	C1 *tolak* C2. Jika amaun C2 melebihi amaun C1, isikan '0' di ruang ini. Baki cukai kena dibayar perlu dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan. Pembayaran boleh dibuat melalui: i) **ByrHASiL** di Portal Rasmi LHDNM, *https://byrhasil.hasil.gov.my/.* • Bayaran melalui FPX (*Financial Process Exchange*) di *https://byrhasil.hasil.gov.my/fpx.php.* • Bayaran melalui kad kredit Visa, Mastercard & American Express di *https://byrhasil.hasil.gov.my/creditcard/.* ii) **Bank yang dilantik** - Maklumat boleh diperoleh di *http://www.hasil.gov.my*. • Kaunter CIMB Bank Bhd. (CIMB), Public Bank Bhd. (PBB), Malayan Banking Bhd. (Maybank), Affin Bank Berhad (ABB), RHB Bank Berhad (RHB), Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Bank Rakyat dengan menggunakan slip bayaran yang disediakan oleh pihak bank. • Perbankan internet CIMB, PBB, Maybank, Hong Leong Bank, Citibank, RHB, Alliance Bank Malaysia Berhad, BSN dan perbankan telefon Maybank. *Auto Teller Machine* (ATM) CIMB, PBB & Maybank dan Mesin Deposit Tunai Maybank. iii) **Kaunter bayaran LHDNM** di Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Cawangan Kota Kinabalu dan Cawangan Kuching atau **pos**. • Cek, kiriman wang dan draf bank hendaklah dipalang dan dibayar kepada **Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri**. • Gunakan Slip Pengiriman Bayaran (CP207) yang boleh diperoleh di *http://www.hasil.gov.my*. • Bayaran melalui pos hendaklah dihantar secara berasingan daripada borang nyata. Bayaran TUNAI tidak boleh dibuat melalui pos. iv) **Pos Malaysia Berhad** - Kaunter dan Pos *Online.*	-	-
C4	Cukai terlebih bayar	C2 *tolak* C1.	-	-

PERINGATAN

Selepas selesai pengiraan cukai dari Bahagian A hingga Bahagian C, koperasi diingatkan supaya mengisi bahagian 'Kedudukan Cukai' di muka surat 1 Borang C1 2020 dengan menandakan 'X' dalam satu petak yang berkenaan sahaja.

BAHAGIAN D: PERBELANJAAN KHAS, POTONGAN SELANJUTNYA DAN POTONGAN DUA KALI

Tuntutan ini dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu:

(1) Perbelanjaan khas
(2) Potongan selanjutnya
(3) Potongan dua kali

Pilih kod tuntutan daripada senarai insentif yang disediakan bagi tiga kategori tuntutan di atas.

Isikan amaun seperti dituntut dalam pengiraan pendapatan larasan di Lampiran A1 (item 2.4).

Bagi perbelanjaan yang dikategorikan sebagai 'potongan selanjutnya', amaun yang perlu dimasukkan di bahagian ini ialah amaun potongan tambahan kepada perbelanjaan asal yang telah dituntut dalam akaun.

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
D1 hingga D10	Kod tuntutan dan Amaun	Isikan kod tuntutan dan amaun.	-	D
D11	JUMLAH DITUNTUT	Campurkan amaun D1 hingga D10.	-	-

BAHAGIAN E: TUNTUTAN ELAUN JADUAL 3

Bahagian ini menyediakan ruang untuk melaporkan tuntutan elaun modal yang dibuat dalam pengiraan pendapatan berkanun perniagaan.

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
E1	Perniagaan 1	Nombor 1 (merujuk kepada perniagaan 1 di ruang A1)	HK-PC1, HK-PC2, HK-PC4, HK-PC5, HK-PC9 atau HK-PC9A (yang mana berkenaan)	-
E1a	Amaun diserap	Elaun modal yang dituntut dalam tahun semasa untuk perniagaan 1. Rujuk kepada helaian kerja yang berkenaan untuk jumlahnya.		
E1b	Baki hantar hadapan	Baki elaun modal yang tidak dapat diserap oleh pendapatan perniagaan 1 dalam tahun semasa. Isikan '0' jika tiada.		
E2 hingga E5	Perniagaan 2 hingga 5 dan seterusnya	Keterangan seperti E1 untuk perniagaan 2 hingga 5 dan seterusnya. Sekiranya terdapat lebih daripada lima perniagaan, jumlahkan dan masukkan tuntutan elaun modal yang diserap dalam tahun semasa untuk perniagaan 5 dan seterusnya, ke ruang E5. Sila senaraikan secara berasingan mengikut format E1 hingga E4 dan kepilkan bersama Borang C1. Bagi pengemukaan borang secara e-Filing (e-C1), sila simpan senarai tersebut untuk rujukan / semakan sekiranya diperlukan kelak.	Seperti E1	-
E6	Perkongsian	Nombor 1 (merujuk kepada perkongsian 1 di ruang A6).	HK-PC1	-
E6a	Amaun diserap	Elaun modal yang dituntut dalam tahun semasa untuk perkongsian 1 dalam Helaian Kerja HK-PC1.		
E6b	Baki hantar hadapan	Baki elaun modal yang tidak dapat diserap oleh pendapatan perkongsian 1 dalam tahun semasa. Isikan '0' jika tiada.		

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
E7 hingga E10	Perkongsian 2, 3 dan seterusnya	Keterangan seperti E6 untuk perkongsian 2 hingga 5 dan seterusnya. Sekiranya terdapat lebih daripada 5 perkongsian, jumlahkan dan masukkan tuntutan elaun modal yang diserap dalam tahun semasa untuk perkongsian 5 dan seterusnya, ke ruang E10. Sila senaraikan secara berasingan mengikut format E6 hingga E9 dan kepilkan bersama Borang C1. Bagi pengemukaan borang secara e-Filing (e-C1), sila simpan senarai tersebut untuk rujukan / semakan sekiranya diperlukan kelak.	Seperti E6	-

BAHAGIAN F: RUMUSAN KERUGIAN

Bahagian ini menyediakan ruang bagi melaporkan kerugian tahun taksiran semasa dan tahun taksiran kebelakangan (termasuk kerugian perintis selepas tempoh pelepasan cukai)

- **Kerugian Tahun Taksiran Semasa**

  Kerugian tahun taksiran semasa perniagaan dan perkongsian yang diserap dalam tahun taksiran semasa serta baki kerugian yang dihantar hadapan untuk tolakan dalam tahun taksiran akan datang.

- **Kerugian Tahun Taksiran Kebelakangan ***

  ~ Kerugian diabaikan / diserap sehingga tahun taksiran sebelum tahun taksiran semasa; dan
  ~ Kerugian diabaikan / diserap dalam tahun taksiran semasa serta baki kerugian yang dihantar hadapan untuk diabaikan / ditolak dalam tahun taksiran berikutnya.

*** Nota:**

Mulai Tahun Taksiran 2019, kerugian yang tidak dapat diserap hanya dibenarkan untuk dibawa ke hadapan untuk diserap bagi tempoh maksimum sehingga tujuh (7) tahun taksiran berturut-turut [Subseksyen 44(5F)].

Peruntukan khas yang berhubungan dengan seksyen 43 dan 44
Peruntukan khas ini membenarkan kerugian yang masih belum diserap sepenuhnya dalam Tahun Taksiran 2018, dibenarkan dibawa ke hadapan untuk diserap sehingga maksimum 7 tahun taksiran bermula Tahun Taksiran 2019.

Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
Gunakan lampiran dan helaian kerja yang berkenaan untuk membuat pengiraan dan pelarasan kerugian.	HK-PC1, HK-PC2, HK-PC4, HK-PC5, HK-PC9, HK-PC9A, dan HK-F1 atau HK-F2 (yang mana berkenaan)	A1, A2, A2A, A3 atau A3A

BAHAGIAN G: TUNTUTAN INSENTIF

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
G1	Perbelanjaan Jadual 4	Rujuk keterangan di ruang A23. Masukkan baki perbelanjaan yang tidak diserap di ruang A23 (baki hantar hadapan) ke ruang ini. Isikan “0” jika tiada baki.	-	-
G2	Perbelanjaan Jadual 4B	Tidak berkenaan.	-	-
G3	Elaun Cukai Pelaburan	Rujuk kepada seksyen 26 hingga 28 Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (APP 1986) untuk menentukan kelayakan dan seksyen 29 hingga 29H Akta yang sama untuk membuat pengiraan mengikut jenis kelulusan. Simpan pengiraan insentif dan dokumen asal berhubung dengan perbelanjaan modal yang layak untuk semakan. Gunakan lampiran dan helaian kerja tersebut untuk membuat pengiraan dan pelarasan.	HK-PC4	A1
	Amaun diserap	Amaun H4 dari Helaian Kerja HK-PC4.		
	Baki hantar hadapan	Amaun H5 dari Helaian Kerja HK-PC4.		
G4	Elaun Jadual 7A	Rujuk Jadual 7A ACP 1967, Ketetapan Umum No. 9/2017 dan 10/2017 berkaitan syarat-syarat tuntutan, penerangan berkenaan projek yang layak, perbelanjaan yang layak, tempoh kelayakan dan cara pengiraan elaun pelaburan semula (EPS). Syarikat yang telah mendapat kelulusan untuk menuntut insentif ini juga perlu memberi perhatian kepada layanan cukai (jika ada) yang ditetapkan dalam surat kelulusan daripada Menteri Kewangan. Helaian kerja HK-PC5 boleh digunakan sebagai panduan pengiraan. Simpan pengiraan insentif berkenaan dan dokumen asal berhubung dengan perbelanjaan modal yang layak untuk semakan. **Mulai tahun taksiran 2019**, EPS yang tidak dapat diserap hanya dibenarkan untuk dibawa hadapan bagi tempoh maksimum sehingga tujuh (7) tahun taksiran berturut-turut sahaja mulai tahun taksiran sebaik sahaja tempoh kelayakan EPS tamat. **Peruntukan khas** Peruntukan khas ini membenarkan EPS yang tidak dapat diserap dalam Tahun Taksiran 2018 dibawa ke hadapan untuk tempoh maksimum 7 tahun bermula Tahun Taksiran 2019 walaupun tempoh kelayakan EPS telah tamat.	HK-PC5	A1

BAHAGIAN H: MAKLUMAT AHLI-AHLI LEMBAGA KOPERASI

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
	Bilangan Ahli Lembaga Koperasi	Bilangan yang dinyatakan hendaklah sama dengan bilangan maklumat yang diisi dalam jadual Maklumat Ahli-Ahli Lembaga Koperasi. Sekiranya koperasi mempunyai lebih daripada lima belas Ahli Lembaga Pengarah, sila senaraikan secara berasingan mengikut format H1 hingga H15 dan kepilkan bersama Borang C1.	-	-
H1(A)	Jawatan	Pengerusi		
H1(B)	Nama Penuh	Nyatakan nama penuh dalam HURUF BESAR.		
H1(C)	No. Pengenalan * / Pasport	Isikan nombor pengenalan * atau nombor pasport. * Nombor pengenalan merujuk kepada nombor kad pengenalan baharu / lama / polis / tentera		
H1(D)	No. Cukai Pendapatan	Nombor rujukan cukai pendapatan seperti didaftarkan dengan LHDNM. Isikan awalan 'SG' atau 'OG' mengikut nombor cukai pendapatan di ruangan yang disediakan.	-	-
H1(E)	No. Telefon	Nombor telefon / telefon bimbit.		
H1(F)	Jumlah Honorarium & Insentif	Nyatakan jumlah honorarium dan insentif yang diterima daripada koperasi berkenaan. Penerimaan termasuk komisen dan lain-lain tetapi TIDAK termasuk elaun.		
H1(G)	Jumlah Elaun	Nyatakan jumlah elaun yang diterima daripada koperasi berkenaan.		
H2(A)	Jawatan	Bendahari		
H2(B)	Nama Penuh	Keterangan seperti di H1	-	-
H2(C)	No. Pengenalan* / Pasport			
H2(D)	No. Cukai Pendapatan			
H2(E)	No. Telefon			
H2(F)	Jumlah Honorarium & Insentif			
H2(G)	Jumlah Elaun			
H3(A)	Jawatan	Setiausaha		
H3(B)	Nama Penuh	Keterangan seperti di H1	-	-
H3(C)	No. Pengenalan* / Pasport			
H3(D)	No. Cukai Pendapatan			
H3(E)	No. Telefon			
H3(F)	Jumlah Honorarium & Insentif			
H3(G)	Jumlah Elaun			

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
H4 hingga H15		**Ahli-ahli Lembaga Koperasi Yang Lain** Ruangan A hingga G: Keterangan seperti H1.	-	-

BAHAGIAN J: PENDAPATAN TAHUN KEBELAKANGAN YANG BELUM DILAPORKAN

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
J1	Pendapatan bercukai tahun kebelakangan yang belum dilapor	Isikan jenis pendapatan, tahun taksiran dan amaun dalam ruangan yang disediakan. Helaian Kerja HK-J boleh digunakan sebagai panduan untuk tujuan penyimpanan rekod. Pengiraan cukai yang berkenaan hendaklah disimpan untuk tujuan semakan oleh LHDNM, jika diperlukan kelak.	HK-J	-

BAHAGIAN K: PELUPUSAN ASET DI BAWAH AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
K1	Melupuskan aset di bawah Akta Cukai Akta Cukai Harta Tanah 1976	Merujuk kepada aset yang boleh dikenakan cukai di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Isikan '1' untuk 'Ya' sekiranya ada melupuskan aset, dan isi juga ruang K2. Isi '2' untuk 'Tidak' jika tidak berkenaan.	-	-
K2	Melaporkan pelupusan tersebut kepada LHDNM	Isikan '1' ('Ya') jika telah melaporkan pelupusan berkenaan kepada LHDNM atau '2' ('Tidak') jika belum. Sekiranya belum dilaporkan, sila hubungi cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pelupus. Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal Rasmi LHDNM, *http://www.hasil.gov.my*.	-	-

BAHAGIAN L: MAKLUMAT KEWANGAN KOPERASI (PERNIAGAAN UTAMA)

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
L1	Kod perniagaan	Isi kod perniagaan (rujuk Lampiran G) bagi perniagaan utama sahaja. Jika mempunyai lebih daripada satu perniagaan utama, isi kod perniagaan bagi perniagaan yang mempunyai perolehan yang terbesar.	-	G
L1A	Jenis aktiviti perniagaan	Nyatakan jenis aktiviti perniagaan berkenaan dalam petak yang disediakan.	-	-
L2	Jualan atau perolehan	Jumlah pendapatan kasar termasuk pendapatan terakru. Isikan '0' jika tiada pendapatan.	-	-
L3	Stok awal	Stok awal barangan siap seperti dalam Akaun Perdagangan.	-	-
L4	Belian dan kos pengeluaran	Jumlah belian kasar *tolak* diskaun, pulangan keluar dan rebat berkaitan dengan perniagaan utama, L1 dan kos pengeluaran daripada Akaun Pengilangan.	-	-
L5	Stok akhir	Stok akhir barangan siap seperti dalam Akaun Perdagangan.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
L6	Kos jualan	(L3 *campur* L4) *tolak* L5. Isikan '0' jika tiada.	-	-
L7	UNTUNG / RUGI KASAR	Jika untung, L2 *tolak* L6 atau L6 *tolak* L2 untuk rugi. Tandakan 'X' jika nilai negatif (rugi).	-	-
L8	Pendapatan perniagaan lain	Jumlah pendapatan bersih daripada punca perniagaan selain daripada L1.	-	-
L9	Pendapatan sewa	Jumlah pendapatan sewa.	-	-
L10	Pendapatan faedah	Jumlah pendapatan faedah.	-	-
L11	Pendapatan dividen	Jumlah pendapatan dividen.	-	-
L12	Pendapatan lain	Jumlah pendapatan bersih daripada semua punca bukan perniagaan selain daripada L9 hingga L11. Ini termasuk bahagian pendapatan / perolehan luar biasa yang layak dikenakan cukai dan pendapatan di bawah perenggan 4(f) ACP 1967.	-	-
L13	Faedah pinjaman	Jumlah semua perbelanjaan faedah kecuali faedah sewa beli dan faedah pajakan.	-	-
L14	Gaji dan upah	Ini termasuk bonus, elaun, bayaran kerja lebih masa dan gaji cuti seperti dalam Akaun Untung Rugi.	-	-
L15	Sewa	Jumlah yang dibayar untuk sewa premis, tanah, kenderaan, peralatan, lain-lain sewaan dan pajakan yang dituntut dalam Akaun Untung Rugi.	-	-
L16	Hutang lapuk	Hutang perdagangan yang dihapuskira.	-	-
L17	Perbelanjaan lain	Jumlah yang dituntut seperti dalam Akaun Untung Rugi.	-	-
L18	JUMLAH PERBELANJAAN	Jumlah perbelanjaan dari L13 hingga L17.	-	-
L19	UNTUNG / RUGI BERSIH	Untung atau rugi bersih seperti dalam Akaun Untung Rugi. Tandakan 'X' jika nilai negatif.	-	-
L20	Perbelanjaan yang tidak dibenarkan	Rujuk kepada perenggan 1.2.3 di Bahagian II Buku Panduan ini.	-	-
L21	Kenderaan	Kos asal aset tetap atau penilaian semula terkini (bukan nilai buku bersih). Nilai yang diambil kira adalah nilai buku sebelum tolak susut nilai. Isikan "0" jika tiada.	-	-
L22	Loji dan jentera	Keterangan seperti L21.	-	-
L23	Tanah dan bangunan	Keterangan seperti L21.	-	-
L24	Aset tetap lain	Keterangan seperti L21.	-	-
L25	JUMLAH ASET TETAP	Jumlah dari L21 hingga L24.	-	-
L26	Pelaburan	Kos pelaburan dan simpanan tetap.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
L27	Stok	Stok akhir termasuk bahan mentah, barangan separa siap dan barangan siap seperti dalam Kunci Kira-kira.	-	-
L28	Penghutang dagangan	Penghutang perdagangan seperti dalam Kunci Kira-kira.	-	-
L29	Penghutang lain	Penghutang lain seperti dalam Kunci Kira-kira.	-	-
L30	Baki tunai	Amaun seperti dalam Kunci Kira-kira.	-	-
L31	Baki dalam bank	Amaun seperti dalam Kunci Kira-kira.	-	-
L32	Aset semasa lain	Aset semasa selain daripada L27 hingga L31.	-	-
L33	JUMLAH ASET SEMASA	Jumlah aset semasa dari L27 hingga L32.	-	-
L34	JUMLAH ASET	Campurkan L25, L26 dan L33.	-	-
L35	Pemiutang dagangan	Amaun seperti dalam Kunci Kira-kira.	-	-
L36	Pemiutang lain	Pemiutang selain daripada pemiutang dagangan dan pinjaman daripada pengarah.	-	-
L37	Lain-lain liabiliti	Amaun seperti dalam Kunci Kira-kira.	-	-
L38	JUMLAH LIABILITI	Jumlah dari L35 hingga L37.	-	-
L39	Dana	Amaun seperti dalam Kunci Kira-kira.	-	-
L40	Geran / subsidi / bantuan	Pelaporan maklumat geran, subsidi atau bantuan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri. Rujuk panduan di Portal Rasmi LHDNM > Laman Utama > Perundangan > Garis Panduan Teknikal.	-	-
L40a	Baki bawa hadapan	Baki geran / subsidi / bantuan dari tahun-tahun sebelum.	-	-
L40b	Geran / subsidi / bantuan yang diterima dalam tahun semasa	Geran / subsidi / bantuan yang diterima dalam tahun semasa.	-	-
L40c	Jumlah	L40a *campur* L40b.	-	-
L40d	Geran / subsidi / bantuan yang dibelanjakan dalam tahun semasa	Amaun geran / subsidi / bantuan yang dibelanjakan dalam tahun semasa.	-	-
L40e	Baki hantar hadapan	L40c *tolak* L40d.	-	-
L41	JUMLAH LIABILITI DAN DANA	Jumlah dari L38 *campur* L39 *campur* L40e.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
L42	Amaun Kumpulan Wang Ahli-Ahli pada hari pertama tempoh asas	Kumpulan wang ahli-ahli pada hari pertama tempoh asas. Rujuk kepada perenggan 12(2) Jadual 6.	-	-
L43	Amaun yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Berkanun dalam tempoh asas di bawah perenggan 65A(a)	Jumlah amaun yang dipindahkan / dibayar dalam tempoh asas kepada sesuatu institusi pelajaran atau pertubuhan koperasi atau Tabung Amanah Pelajaran Koperasi. Rujuk kepada perenggan 65A(a).	-	-
L44	Amaun di bawah perenggan 65A(b)	Amaun yang dikira bersamaan lapan peratus (atau peratusan lain yang telah ditetapkan) daripada kumpulan wang ahli-ahli.	-	-

BAHAGIAN M: MAKLUMAT KOPERASI

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
M1	Alamat berdaftar	Alamat berdaftar seperti difailkan di pejabat Suruhanjaya Koperasi Malaysia.	-	-
M2	Alamat surat-menyurat	Alamat yang digunakan untuk berurusan dengan LHDNM. <u>Bagi tujuan pembayaran balik oleh LHDNM (sekiranya melalui cek):</u> • Sila pastikan alamat yang dilaporkan kepada LHDNM adalah terkini dan bukan alamat peti surat. • Cek pembayaran balik akan dihantar ke alamat surat-menyurat yang terakhir dalam rekod LHDNM.	-	-
M3	Alamat premis perniagaan	Alamat di mana perniagaan utama koperasi dijalankan.	-	-
M4	Tarikh didaftarkan	Tarikh koperasi didaftarkan.	-	-
M5	Tempat didaftarkan	Tempat di mana koperasi didaftarkan.	-	-
M6	Alamat laman sesawang / Blog	Alamat laman sesawang atau blog (jika ada).	-	-
M7	Nama bank	Nama bank di mana akaun bank utama koperasi disimpan. Untuk tujuan pembayaran balik secara elektronik, sila pastikan maklumat bagi ruang M7 dan M8 adalah betul.	-	-
M8	No. akaun bank	Nombor akaun bank koperasi berkenaan di bank seperti dinyatakan di ruang M7.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
M9	No. pengenalan bank	Merujuk kepada nombor pengenalan yang diberikan oleh bank atau nombor yang digunakan oleh pemegang akaun [organisasi perniagaan yang tidak mempunyai nombor pendaftaran syarikat / perniagaan kerana tidak tertakluk kepada pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]. Selain daripada nama pemegang akaun bank dan nombor akaun bank, nombor ini digunakan oleh bank sebagai tambahan kunci untuk semakan dan pengesahan bagi tujuan pembayaran balik lebihan cukai melalui EFT.	-	-
M10	Alamat rekod koperasi disimpan	Masukkkan '1' jika rekod koperasi disimpan di alamat seperti M1, '2' sekiranya di M2, '3' jika di M3 atau '4' jika alamat selain di M1, M2 dan M3.	-	-
M11	Alamat lain (Jika M10 = 4)	Isikan ruang ini sekiranya M10 = 4.	-	-
M12	Nombor telefon	Isikan nombor telefon koperasi.	-	-
M13	e-Mel	Masukkan alamat e-mel koperasi.	-	-
M14	Tertakluk kepada sekatan faedah di bawah seksyen 140C	Sekiranya syarikat tertakluk kepada sekatan faedah di bawah seksyen 140C, isikan '1' dalam petak untuk 'Ya' dan isi juga maklumat seperti dikehendaki dalam jadual berikut.	-	-

Amaun cukai - EBITDA	Belanja faedah tertakluk di bawah seksyen 140C	Belanja faedah yang disekat	Baki Hantar Hadapan

Isikan '2' dalam petak untuk 'Tidak' jika tidak berkenaan / tidak terpakai.

	Amaun cukai – EBITDA	Pengiraan cukai - EBITDA merujuk kepada formula seperti dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Sekatan Ke Atas Kebolehpotongan Faedah) 2019 [P.U. (A) 175/2019]. Contoh pengiraan boleh dirujuk dalam *Restriction on Deductibility of Interest Guidelines [Section 140C, Income Tax Act 1967]* (hanya dalam versi Bahasa Inggeris sahaja) di Portal Rasmi LHDNM: *http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/RDIG_05072019.pdf* atau Laman Utama > Antarabangsa > *Restriction on Deductibility of Interest Guidelines [Section 140C, Income Tax Act 1967]*	-	-
	Belanja faedah tertakluk di bawah seksyen 140C	Belanja faedah di bawah seksyen 140C adalah seperti definisi dalam subseksyen 140C(3) di mana 'interest expense' bermaksud: a) *Interest on all forms of debt; or* *b) Payments economically equivalent to interest (excluding expenses incurred in connection with the raising of finance)* Sila rujuk juga kepada perenggan 3.5, 3.6, 3.7 dan 3.9 dalam *Guidelines* tersebut.	-	-
	Belanja faedah yang disekat	Amaun faedah maksimum yang disebut dalam seksyen 140C ACP 1967 hendaklah suatu amaun yang bersamaan dengan: $20\% \times \left[\begin{array}{l}\text{Amaun cukai-EBITDA daripada setiap}\\ \text{punca yang terdiri daripada perniagaan}\end{array}\right]$	-	-
	Baki hantar hadapan	Perbelanjaan faedah yang melebihi amaun faedah maksimum adalah dibenarkan untuk dibawa hadapan dan dipotong daripada pendapatan larasan bagi tahun-tahun taksiran berikutnya tertakluk kepada amaun faedah maksimum bagi tahun taksiran berkenaan walaupun syarikat itu tiada perbelanjaan faedah bagi mana-mana tahun taksiran berikutnya, sehingga keseluruhan amaun lebihan itu digunakan sepenuhnya.	-	-

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
M15a	Tertakluk di bawah Pemberitahuan Pelaporan mengikut Negara (*CbCR*)	Mana-mana entiti konstituen suatu kumpulan MNE yang tertakluk kepada subperenggan 6(1) atau subperenggan 6(2) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara) 2016 serta Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara) (Pindaan) 2017 (dirujuk sebagai Kaedah CbCR) hendaklah memaklumkan identiti dan mastautin cukai entiti pelapor pada atau sebelum hari terakhir tahun kewangan pelaporan kepada Ketua Pengarah secara bertulis. Entiti konstituen yang tertakluk kepada Kaedah CbCR perlu mengisi sama ada: • '1' ('Ya') sebagai entiti pelapor; • '2' ('Ya') sebagai bukan entiti pelapor; atau • '3' ('Tidak') jika TIDAK tertakluk kepada Kaedah CbCR atau tidak berkenaan Jika M15a = '1' ('Ya') atau '2' ('Ya'), isi juga ruang M15b. Entiti bukan pelapor merujuk kepada entiti konstituen kumpulan perbadanan multinasional yang bermastautin di Malaysia atau establismen tetap di Malaysia yang bukan entiti pelapor di bawah subperenggan 6(2) Kaedah CbCR. Rujuk: ~ Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara) 2016 serta Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pelaporan Mengikut Negara)(Pindaan) 2017. ~ Undang-undang dan peraturan serta panduan berkaitan pelaporan CbCR di Portal Rasmi LHDNM: *http://www.hasil.gov.my* > Antarabangsa	-	-
M15b	Pemberitahuan sebagai entiti pelapor / bukan entiti pelapor telah dikemukakan	Ruang ini perlu dilengkapkan sekiranya M15a = '1' ('Ya') atau '2' ('Ya'). Isi '1' ('Ya') jika pemberitahuan sebagai entiti pelapor atau bukan entiti pelapor telah dikemukakan. Isikan '2' ('Tidak') jika pemberitahuan berkenaan belum atau tidak dikemukakan. Jika M15b = '1' ('Ya'), isi juga ruang M15c.	-	-
M15c	Pemberitahuan telah dikemukakan pada atau sebelum hari terakhir tahun kewangan pelaporan	Ruang ini hendaklah diisi sekiranya M15b = '1' ('Ya'). Isikan '1' ('Ya') jika pemberitahuan telah dikemukakan pada atau sebelum hari terakhir tahun kewangan pelaporan kepada LHDNM. Isi '2' ('Tidak') sekiranya pemberitahuan dikemukakan selepas hari terakhir tahun kewangan kepada LHDNM.	-	-
M16	Mempunyai akaun kewangan di institusi kewangan di luar Malaysia	Isi '1' jika mempunyai akaun kewangan di institusi kewangan di luar Malaysia atau '2' jika tiada / tidak berkenaan. Untuk maklumat lanjut, sila layari Portal Rasmi LHDNM, *http://www.hasil.gov.my* > Antarabangsa > Pertukaran Automatik Maklumat (AEOI) > *Common Reporting Standard* (*CRS*). 'Akaun kewangan' dan 'institusi kewangan' adalah seperti ditakrifkan dalam *CRS Guidance Notes* di pautan tersebut.	-	-

AKUAN

Pengakuan ini hendaklah dibuat oleh pemegang jawatan dalam koperasi yang dinamakan dalam seksyen 75 ACP 1967. Borang nyata yang tidak ditandatangani adalah dianggap tidak lengkap dan akan dikembalikan kepada koperasi berkenaan. Penggunaan cap tandatangan tidak dibenarkan. Penalti akan dikenakan jika berlaku kelewatan dalam mengembalikan semula borang tersebut kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Sila baca peringatan di Borang C1 sebelum menurunkan tandatangan dalam borang nyata tersebut. Isikan tarikh dan jawatan dengan jelas.

MAKLUMAT FIRMA DAN TANDATANGAN ORANG YANG MENYEDIAKAN BORANG NYATA INI

Ruang	Perkara	Keterangan	Helaian Kerja	Lampiran
a	Nama firma	Nama firma ejen cukai yang mengisi Borang C1 ini.	-	-
b	Alamat firma	Alamat surat-menyurat firma ejen cukai.	-	-
c	No. telefon	Nombor telefon firma ejen cukai / telefon bimbit ejen cukai.	-	-
d	e-mel	Alamat e-mel ejen cukai.	-	-
e	No. kelulusan ejen cukai	Untuk diisi oleh ejen cukai yang mendapat kelulusan di bawah peruntukan perenggan-perenggan 153(3)(b) dan 153(3)(c) ACP 1967.	-	-

Bahagian II – Lampiran dan Helaian Kerja

1. LAMPIRAN

Pendahuluan

Lampiran ini disediakan untuk membolehkan pihak koperasi membuat pengiraan pendapatan larasan perniagaan daripada Akaun Untung Rugi dan Lembaran Imbangan yang diaudit. Rujuk kepada peruntukan perundangan yang disenaraikan di perenggan 1.2 sebagai panduan dalam membuat pelarasan. Sila maklum bahawa Lampiran ini hanyalah satu kemudahan bagi membantu pihak koperasi mengira pendapatan larasan perniagaan dengan betul dan teratur.

Lampiran-lampiran yang disediakan adalah seperti berikut:

Lampiran	Kegunaan
A1	Pengiraan pendapatan larasan bagi perniagaan
A2	Pengiraan pendapatan larasan bagi perniagaan insurans hayat
A2A	Pengiraan pendapatan larasan bagi perniagaan takaful berkaitan: a) Dana takaful keluarga b) Dana pengendali takaful
A3	Pengiraan pendapatan larasan bagi perniagaan insurans am
A3A	Pengiraan pendapatan larasan bagi perniagaan takaful am
A4	Digabungkan dengan Lampiran A2A
B1	Dibatalkan
B2	Pengiraan tolakan cukai di bawah seksyen 110 ACP 1967 berhubung dengan pendapatan selain dividen
B3	Tuntutan kredit seksyen 132 bagi pendapatan daripada negara yang mempunyai Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali dengan Malaysia
B4	Tuntutan kredit seksyen 133 bagi pendapatan daripada negara yang tidak mempunyai Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali dengan Malaysia
B5	Butir-butir harta tanah dan penerimaan sewa
C	Senarai kadar pertukaran wang asing (purata tahunan)
D	Senarai kod tuntutan bagi perbelanjaan khas, potongan selanjutnya serta potongan dua kali
E	Senarai kod negara
F	Senarai negara yang mempunyai Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali dengan Malaysia dan kadar cukai pegangan atas pembayaran kepada bukan pemastautin
G	Senarai kod perniagaan
H	Senarai Ketetapan Umum
I	Senarai garis panduan dan borang permohonan untuk tuntutan insentif

Pengasingan Pendapatan Mengikut Punca

Pendapatan perniagaan perlu diasingkan mengikut punca seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 5 Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

Jika koperasi hanya menjalankan satu perniagaan, guna 'perniagaan 1'. Perniagaan yang lain (jika ada) akan dikenali sebagai 'perniagaan 2' dan seterusnya. Pengenalan ini hendaklah digunakan apabila melaporkan pendapatan dalam Borang C1.

Jika peruntukan Akta memerlukan **pengasingan punca pendapatan**, setiap pengasingan itu dianggap sebagai **satu perniagaan** yang berasingan dan cara pengenalan di atas mestilah dipatuhi.

Contoh:

Industri insurans dan takaful – 10 sumber pendapatan

Perniagaan insurans

(i) Pendapatan dana hayat
(ii) Pendapatan dana pemegang saham
(iii) Pendapatan insurans semula hayat
(iv) Pendapatan insurans am
(v) Pendapatan insurans semula

Perniagaan takaful

(i) Pendapatan dana takaful keluarga
(ii) Pendapatan dana pengendali takaful
(iii) Pendapatan takaful semula keluarga
(iv) Pendapatan takaful am
(v) Pendapatan takaful semula

Syarikat perintis – 2 sumber pendapatan

(i) Pendapatan daripada aktiviti / keluaran yang digalakkan
(ii) Pendapatan daripada aktiviti / keluaran tidak digalakkan

Syarikat diberi galakan Elaun Cukai Pelaburan – 2 sumber pendapatan

(i) Pendapatan daripada aktiviti / keluaran yang digalakkan
(ii) Pendapatan daripada aktiviti / keluaran tidak digalakkan

Koperasi menjalankan perniagaan pajakan – 2 sumber pendapatan

(i) Pendapatan daripada perniagaan pajakan
(ii) Pendapatan daripada perniagaan sewa-beli dan lain-lain

(Sila rujuk peraturan-Peraturan Pajakan 1986 yang dikeluarkan oleh LHDNM)

* 'Syarikat' berhubungan dengan pertanian termasuk koperasi berasaskan pertanian - Akta Penggalakan Pelaburan 1986.

1.1 LAMPIRAN A1- Pengiraan Pendapatan Larasan Bagi Perniagaan

Lampiran ini disediakan untuk membolehkan pihak koperasi membuat pengiraan pendapatan larasan perniagaan daripada Akaun Untung Rugi dan Lembaran Imbangan yang diaudit selain daripada perniagaan insurans (bagi perniagaan insurans gunakan Lampiran A2 dan A3).

Guna satu lampiran untuk satu punca perniagaan.

Guna akaun yang telah diaudit untuk membuat pindahan data ke Lampiran ini.

Ruang	Perkara	Keterangan
A	BAKI DALAM AKAUN UNTUNG RUGI	Pindahkan baki dalam akaun untung rugi ke ruang ini. Masukkan amaun untung ke dalam ruang amaun (+) dan rugi dalam ruang amaun (-).
	PENGASINGAN PENDAPATAN MENGIKUT KELAS	Semak semula akaun untung rugi dan keluarkan pendapatan bukan perniagaan seperti yang dilaporkan dalam Akaun Untung Rugi. Masukkan setiap kelas pendapatan ke dalam ruang yang disediakan.
B	JUMLAH PENDAPATAN BUKAN PERNIAGAAN	Campur semua pendapatan dividen, sewa, royalti, faedah dan pendapatan seksyen 4A.
C	JUMLAH PENDAPATAN PERNIAGAAN	A *tolak* B
D	PELARASAN PENDAPATAN PERNIAGAAN (1. TAMBAH)	Semak Akaun Untung Rugi dan keluarkan kerugian yang tidak dibenarkan. Nyatakan jenis kerugian dan isikan amaun dalam ruang yang disediakan. *Contoh*: Rugi jualan kereta WFB 33054 RM4,000 Rugi jualan mesin pemotong RM3,000
	PELARASAN PENDAPATAN PERNIAGAAN (4. TOLAK)	Semak Akaun Untung Rugi dan keluarkan keuntungan yang tidak boleh dicukai sebagai pendapatan perniagaan. Nyatakan jenis keuntungan dan isikan amaun dalam ruang yang disediakan. *Contoh*: Untung jualan kereta WMB 5482 RM10,000 Untung jualan mesin jahit RM2,000
	PELARASAN PENDAPATAN PERNIAGAAN (5. TAMBAH)	Semak dan kenal pasti 'pendapatan kasar' (jika ada) dalam Lembaran Imbangan yang tidak diambil kira dalam Akaun Untung dan Rugi. Rujuk kepada perenggan 1.2.1 mengenai peruntukan perundangan berhubung dengan 'pendapatan kasar perniagaan'. Nyatakan jenis pendapatan dan isikan amaun. *Contoh*: Bayaran ganti rugi di bawah kontrak RM100,000
	JUMLAH	D3 *tolak* D4 *tambah* D5.

Ruang	Perkara	Keterangan
E	PELARASAN PERBELANJAAN PERNIAGAAN (1. TAMBAH)	Buat pengiraan perbelanjaan yang dihadkan mengikut garis panduan yang disediakan oleh LHDNM dan isikan amaun. **Perbelanjaan / Kenaan yang tidak dibenarkan – mengikut subseksyen 39(1) dan lain-lain seksyen.** Buat pelarasan untuk perbelanjaan yang tidak boleh dibenarkan mengikut perundangan cukai pendapatan. Guna perenggan 1.2.3 sebagai panduan. Nyatakan jenis perbelanjaan dan isikan amaun dalam ruang yang disediakan. *Contoh*: Keraian RM10,000 Denda cukai pendapatan RM1,000
	PELARASAN PERBELANJAAN PERNIAGAAN (2. TOLAK)	Semak dan kenal pasti perbelanjaan dibenarkan mengikut perundangan yang dimasukkan dalam Lembaran Imbangan tetapi tidak diambil kira dalam akaun untung rugi. Rujuk kepada perenggan 1.2.2 sebagai panduan. Nyatakan jenis perbelanjaan dan isikan amaun. *Contoh*: Gaji ahli lembaga koperasi RM20,000 **Perbelanjaan / Tuntutan insentif** Masukkan tuntutan perbelanjaan / insentif dalam ruang ini. Rujuk kepada lampiran D untuk menentukan jenis tuntutan dan isikan amaun. *Contoh*: Penggajian pekerja cacat RM12,000 Latihan diluluskan RM50,000
	JUMLAH	E1 *tolak* E2.
F	PENDAPATAN / (KERUGIAN) LARASAN	Kira keuntungan larasan dengan membuat tolakan dan tambahan C, D6 dan E3. Nilai positif (+) : Pendapatan Larasan Nilai negatif (-) : Kerugian Larasan

1.2 SENARAI PERUNTUKAN PERUNDANGAN BERHUBUNG DENGAN PENDAPATAN KENA CUKAI DAN PERBELANJAAN DIBENARKAN BAGI PUNCA PERNIAGAAN

1.2.1 Pendapatan Kasar Perniagaan

Perundangan	Perkara
12	Pendapatan kasar perniagaan yang diperoleh daripada Malaysia.
22(2)(a)(i)	Jumlah diterima atau disifatkan sebagai telah diterima dengan cara insurans, tanggung rugi, rekupmen, pulihan, pembayaran ganti atau sebaliknya, berhubung dengan belanja pasti dan perbelanjaan dibenarkan dalam pengiraan pendapatan larasan bagi punca berkenaan.
22(2)(a)(ii)	Jumlah diterima atau disifatkan sebagai telah diterima di bawah kontrak tanggung rugi.
22(2)(b)	Pampasan kerana kehilangan pendapatan daripada punca berkaitan.
24(1)	Hutang perniagaan tempoh semasa atau sebelum yang boleh diambil kira sebagai pendapatan kasar perniagaan.
24(1)(b) & (c)	Hutang yang berbangkit daripada: - perkhidmatan yang diberikan atau akan diberikan; atau - mana-mana harta yang diguna atau dinikmati yang akan diurusniagakan.
24(1A)	Apa-apa jumlah yang diterima daripada mana-mana perkhidmatan yang akan dilakukan atau mana-mana harta yang dinikmati atau diguna yang akan diurusniagakan, sama ada atau tidak terdapat apa-apa hutang berkenaan dengan perkhidmatan atau harta tersebut.
24(2)	Harga pasaran ambilan stok untuk kegunaan sendiri.
30(1)(a)	Hutang lapuk dikutip semula.
30(1)(b)	Peruntukan spesifik hutang ragu yang tidak diperlukan lagi.
30(2)(a)/(b)	Bayaran balik cukai daftar gaji / cukai perolehan.
30(3)	Perbelanjaan pulih seperti yang ditakrif di bawah Jadual 2.
30(4)	Amaun yang dilepaskan di bawah subseksyen 33(1) [termasuk perenggan 33(1)(a), (b) atau (c)]; atau Jadual 3.
-	Pendapatan selain daripada di atas.

1.2.2 Perbelanjaan Yang Dibenarkan

Perundangan	Perkara
33(1)	Perbelanjaan dan bayaran yang dibuat kesemua dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan kasar.
33(1)(a)	Faedah dikenakan untuk pinjaman yang digunakan untuk menjalankan perniagaan, membiayai pembelian aset yang digunakan atau dipegang untuk menghasilkan pendapatan kasar daripada punca berkenaan, terhad kepada subseksyen 33(2).
33(1)(b)	Sewa dibayar untuk tanah atau bangunan yang digunakan untuk menghasilkan pendapatan kasar daripada punca berkenaan.
33(1)(c)	Perbelanjaan pembaikan premis perniagaan, loji, jentera atau lekapan. Perbelanjaan lain adalah seperti: (i) Perbelanjaan mengganti, memperbaiki atau mengubahsuai alat, perkakas atau benda yang digunakan di mana elaun modal tidak layak dituntut (ii) Perbelanjaan pengangkutan dan penghantaran.
34(6)(a) / (b)	Cukai daftar gaji / cukai perolehan yang dibayar.
34(6)(c)	Perbelanjaan modal bersamaan dengan amaun yang boleh dibenarkan di bawah Jadual 2.
34(6)(d)	Perbelanjaan menanam semula tanaman (berhubung dengan perusahaan kebun / ladang).
34(6)(e)	Peralatan untuk pekerja kurang upaya, atau belanja pengubahsuaian / penambahbaikan premis perniagaan bagi kemudahan pekerja kurang upaya.
34(6)(f)	Terjemahan atau penerbitan buku yang berkaitan dengan kebudayaan, kesusasteraan, profesional, saintifik atau teknikal yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ke dalam bahasa kebangsaan.
34(6)(g)	Perbelanjaan bagi menyediakan kemudahan perpustakaan untuk orang awam dan sumbangan kepada perpustakaan awam, perpustakaan sekolah dan institusi pendidikan tinggi, terhad kepada RM100,000.
34(6)(h)	Perbelanjaan bagi menyediakan perkhidmatan, kemudahan awam dan sumbangan kepada projek kebajikan atau kemasyarakatan yang berhubungkait dengan pendidikan, kesihatan, perumahan, pemeliharaan atau pemuliharaan alam sekitar, peningkatan pendapatan golongan miskin, prasarana, teknologi maklumat dan komunikasi atau penyelenggaraan bangunan warisan yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan oleh Jabatan Warisan Negara di bawah Akta Warisan Negara (Akta 654) yang diluluskan oleh Menteri. Di mana potongan telah dibuat di bawah perenggan ini, tiada potongan selanjutnya atas amaun yang sama dibenarkan di bawah subseksyen 44(6) ACP 1967.
34(6)(i)	Perbelanjaan (bukan perbelanjaan modal) bagi penyediaan dan penyenggaraan pusat penjagaan kanak-kanak untuk manfaat pekerja sendiri.
34(6)(j)	Perbelanjaan dilakukan untuk menubuh dan mengurus kumpulan muzikal atau kebudayaan yang diluluskan oleh Menteri.
34(6)(k)	Perbelanjaan menaja aktiviti kesenian, kebudayaan atau warisan tempatan serta negara-negara asing - terhad kepada RM300,000 bagi penajaan kesenian, kebudayaan atau warisan negara asing - terhad kepada RM1,000,000 bagi keseluruhan perbelanjaan.
34(6)(n)	Perbelanjaan bagi tujuan menyediakan latihan amali di Malaysia yang berkaitan dengan perniagaannya, kepada individu bukan pekerja yang bermastautin.
34(6)(r)	Bayaran yang dibuat oleh seseorang pemastautin kepada suatu syarikat Labuan kecuali sebagaimana ditetapkan oleh Menteri melalui kaedah-kaedah cukai pendapatan.
-	Perbelanjaan selain daripada di atas.

1.2.3 Perbelanjaan Yang Tidak Dibenarkan

Perundangan	Perkara
33(2)	Faedah yang tidak boleh ditolak daripada pendapatan perniagaan.
34(4)	Caruman kepada skim yang diluluskan yang melebihi 19% daripada saraan pekerja.
39(1)(a)	Perbelanjaan peribadi atau domestik dalam apa jua bentuk.
39(1)(b)	Perbelanjaan yang dilakukan tidak kesemuanya dan semata-mata untuk menghasilkan pendapatan kasar. *Contoh*: ▪ Perbelanjaan mencetak dan mengedar laporan tahunan dan kos mengadakan mesyuarat agung dan mesyuarat tergempar ▪ Perbelanjaan untuk penyenaraian dalam bursa saham ▪ Perbelanjaan sebelum perniagaan bermula atau perbelanjaan untuk menutup perniagaan ▪ Perbelanjaan guaman berhubung dengan pemerolehan aset atau untuk urusan peribadi ▪ Derma ▪ Denda atas kesalahan melanggar undang-undang termasuk denda dan perbelanjaan rayuan cukai pendapatan ▪ Perbelanjaan hadiah (kecuali untuk pekerja sendiri) ▪ Bayaran keahlian kelab dan yuran ahli kelab persendirian ▪ Bayaran untuk pinjaman dan perjanjian agensi ▪ Pembelian aset dan perbelanjaan yang seumpama dengannya ▪ Perbelanjaan lain
39(1)(c)	Modal ditarik balik atau sebarang jumlah digunakan atau bermaksud digunakan sebagai modal.
39(1)(d)	Bayaran kepada kumpulan wang simpanan yang tidak diluluskan.
39(1)(e)	(i) Perbelanjaan lombong yang layak (Jadual 2) (ii) Perbelanjaan pertanian / hutan yang layak (Jadual 3) (iii) Perbelanjaan cari gali yang layak (Jadual 4)
39(1)(f)	Bayaran faedah atau royalti kepada bukan pemastautin tanpa mematuhi seksyen 109.
39(1)(g)	Bayaran lesen atau permit membalak yang dibayar kepada pihak lain selain daripada Kerajaan Negeri.
39(1)(i)	Bayaran kontrak yang dibuat tanpa mematuhi seksyen 107A.
39(1)(j)	Bayaran kepada bukan pemastautin tanpa mematuhi seksyen 109B.
39(1)(k)	Bayaran sewa kenderaan bukan komersil melebihi RM100,000.
39(1)(l)	Keraian.
39(1)(m)	Perbelanjaan tambang cuti untuk pekerja di dalam atau luar Malaysia.
-	Semua jenis peruntukan (termasuk hutang ragu am) selain daripada peruntukan hutang ragu spesifik.
-	Perbelanjaan berhubung dengan pindaan modal dibenarkan dan modal berbayar.
-	Perbelanjaan profesional berhubung dengan pemerolehan aset tetap atau pelaburan.
-	Pengubahsuaian dan tambahan kepada bangunan.
-	Perbelanjaan selain daripada di atas.

1.3 PERINGATAN

Ambil perhatian perkara-perkara berikut apabila membuat pelarasan. Dokumen dan bukti bertulis perlu disimpan dengan teratur kerana '*onus-of-proof*' atau bukti kesahihan tuntutan sebarang perbelanjaan adalah tanggungjawab koperasi. Sebarang tuntutan / pelarasan yang tidak disokong dengan dokumen yang mencukupi tidak dibenarkan bila auditan cukai dibuat dan penalti mungkin dikenakan.

Berikut adalah perkara-perkara dan dokumen yang perlu disediakan dan disimpan bersama-sama pelarasan pendapatan dan pengiraan cukai.

1.3.1 Pelarasan Pendapatan atau Perbelanjaan

Setiap pelarasan hendaklah disokong dengan:

- Analisis pendapatan dan perbelanjaan
- Akaun subsidiari
- Resit / Inbois

1.3.2 Bayaran kontrak / subkontrak, bayaran komisen dan sewa dan lain-lain bayaran khidmat yang dikontrak kepada pemastautin

- Nama, alamat, nombor kad pengenalan dan amaun yang diterima oleh setiap penerima
- Jenis kontrak / komisen / khidmat
- Jenis aset yang disewa
- Salinan perjanjian / dokumen berkaitan

1.3.3 Bayaran kontrak kepada bukan pemastautin (penerimaan oleh kontraktor bukan mastautin - seksyen 107A diguna pakai)

- Nama, jenis, lokasi dan tempoh projek
- Nilai keseluruhan kontrak dan nilai bahagian perkhidmatan kontrak yang dijalankan di Malaysia
- Bayaran kontrak dan bahagian perkhidmatan kontrak dalam tahun taksiran semasa
- Nama, alamat, nombor cukai pendapatan atau nombor pasport kontraktor asing
- Salinan perjanjian / dokumen berkaitan

1.3.4 Bayaran fi mengurus (*management fee*) kepada penerima mastautin

- Nama, alamat, nombor kad pengenalan dan amaun yang dibayar
- Pertalian antara syarikat dengan penerima, jika ada
- Asas bayaran
- Perjanjian perkhidmatan atau dokumen berkaitan

1.3.5 Bayaran / Fi bagi khidmat profesional, teknikal atau pengurusan dan sewa kepada bukan pemastautin (pendapatan seksyen 4A)

a) Bayaran / Fi profesional, teknikal atau pengurusan

- Jenis perkhidmatan yang diberikan
- Nama, alamat, nombor cukai pendapatan dan nombor pasport kontraktor asing serta jumlah bayaran
- Jika keseluruhan atau sebahagian daripada bayaran tidak dianggap pendapatan di bawah seksyen 4A, sediakan alasan dan simpan salinan perjanjian
- Bukti pembayaran cukai pegangan

b) Bayaran sewa bagi harta alih

- Jenis harta alih
- Nama, alamat, nombor cukai pendapatan dan nombor pasport kontraktor asing serta jumlah bayaran

- Jika bayaran tidak tertakluk kepada cukai pegangan, sediakan maklumat sokongan
- Bukti pembayaran cukai pegangan
- Salinan perjanjian sewa / dokumen berkaitan

1.3.6 Kenaan atau agihan perbelanjaan daripada syarikat induk kepada anak syarikat atau ibu pejabat kepada cawangan di Malaysia

a) Kenaan atau agihan perbelanjaan khusus

- Analisa perbelanjaan
- Jenis kenaan atau agihan perbelanjaan
- Asas pengiraan kenaan atau agihan perbelanjaan
- Manfaat yang diperoleh oleh syarikat atau cawangan berhubung dengan kenaan atau agihan tersebut
- Fungsi yang dijalankan oleh syarikat induk
- Salinan perjanjian / dokumen berkaitan

b) Agihan perbelanjaan pengurusan atau kenaan bagi khidmat gunasama

- Analisa perbelanjaan
- Jenis perbelanjaan
- Manfaat yang diperoleh daripada perbelanjaan tersebut
- Fungsi yang dijalankan oleh syarikat induk
- Salinan perjanjian / dokumen berkaitan

1.3.7 Perjalanan ke luar negara

- Nama, jawatan dan bidang tugas kakitangan yang terlibat
- Tarikh, tempat dan tujuan lawatan
- Analisis perbelanjaan dengan mengasingkan bahagian perbelanjaan peribadi

1.3.8 Perniagaan pemaju perumahan

- Nama, alamat dan lokasi projek
- Pelan susun atur ('*layout plan*') yang diluluskan
- Tarikh mula dan tarikh siap setiap fasa projek
- Kos tanah dan nilai setiap fasa projek
- Analisis kos pembangunan terkumpul setiap fasa bagi setiap tahun taksiran
- Pengiraan untung atau rugi mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Ketetapan Umum No. 1/2009 (Pemajuan Harta), Ketetapan Umum No. 2/2009 (Kontrak Pembinaan) dan Ketetapan Umum 12/2013 (Kontraktor dan Pemaju Penyelamat)

1.3.9 Ketetapan umum, warta kerajaan dan garis panduan:

- Ketetapan Umum
  Rujukan: Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
  Laman Utama > Perundangan > Ketetapan Umum
- Garis Panduan Teknikal
  Rujukan: Portal Rasmi LHDNM
  Laman Utama > Perundangan > Garis Panduan Teknikal
- Garis Panduan Operasi
  Rujukan: Portal Rasmi LHDNM
  Laman Utama > Perundangan > Garis Panduan Operasi

2. LAMPIRAN A2: PENGIRAAN PENDAPATAN LARASAN BAGI PERNIAGAAN INSURANS HAYAT

Lampiran ini disediakan untuk membolehkan koperasi yang menjalankan perniagaan insurans hayat membuat pengiraan pendapatan larasan daripada Akaun Untung Rugi, Lembaran Imbangan yang diaudit dan Akaun Ketua Pengarah Insurans (Akaun KPI / *'DGI Accounts'*). Gunakan Lampiran ini untuk mengira pendapatan larasan dana hayat dan dana pemegang saham. Sebelum Lampiran ini diisi, sila patuhi perkara-perkara berikut:

2.1 Pengasingan pendapatan mengikut punca

Rujuk kepada perenggan 60(2)(c) berhubung dengan keperluan menyimpan akaun berasingan bagi dana hayat dan dana pemegang saham.

2.2 Penggunaan pengenalan perniagaan

(perniagaan 1 dan 2)

Rujuk kepada penerangan mengenai pengenalan perniagaan di muka surat 27.

Guna perniagaan 1 bagi dana hayat

Guna perniagaan 2 bagi dana pemegang saham

Bahagian A2(a): Pengiraan Pendapatan Larasan Bagi Perniagaan Insurans Hayat Berkaitan Dana Hayat

2.3 Cara menguna Bahagian A2(a) Lampiran A2

Ruang	Perkara	Keterangan
A	Pendapatan kasar dari pelaburan	Masukkan pendapatan kasar dividen, faedah dan sewa di ruang ini seperti pembahagian yang telah ditetapkan mengikut dana.
B	Pendapatan kasar dari pelupusan pelaburan atau hak	Masukkan perolehan kasar seperti pembahagian yang ditetapkan mengikut dana.
C	Jumlah pendapatan kasar	Campurkan A dan B.
D	Kos memperoleh dan perbelanjaan melupuskan pelaburan atau hak berkaitan ruang B	Ruang ini merujuk kepada pelaburan atau hak berkaitan ruang B.
E	Pendapatan larasan / (Kerugian larasan)	C *tolak* D

Bahagian A2(b): Pengiraan Pendapatan Larasan Bagi Perniagaan Insurans Hayat Berkaitan Dana Pemegang Saham

2.4 Cara menguna Bahagian A2(b) Lampiran A2

Ruang	Perkara	Keterangan
A	Pendapatan kasar dari pelaburan	Masukkan pendapatan kasar dividen, faedah dan sewa di ruang ini seperti pembahagian yang telah ditetapkan mengikut dana.
B	Pendapatan kasar dari pelupusan pelaburan atau hak	Masukkan perolehan kasar seperti pembahagian yang ditetapkan mengikut dana.
C	Jumlah	Campurkan A dan B.
D	Surplus aktuari dipindah ke dana pemegang saham	Amaun dari Akaun Ketua Pengarah Insurans (Akaun KPI), jika dipindahkan.

Ruang	Perkara	Keterangan
E	Jumlah pendapatan kasar	C *campur* D
F	Kos memperoleh dan perbelanjaan melupuskan pelaburan atau hak berkaitan ruang B	Ruang ini merujuk kepada pelaburan atau hak berkaitan ruang B.
G	Jumlah	E *tolak* F
H	Defisit aktuari dipindahkan ke dana hayat (jika berkenaan)	Diisi jika berkenaan.
I	Pendapatan larasan / (Kerugian larasan)	G *tolak* H

3. LAMPIRAN A2A: PENGIRAAN PENDAPATAN LARASAN BAGI PERNIAGAAN TAKAFUL

Lampiran ini disediakan untuk membolehkan koperasi yang menjalankan perniagaan takaful keluarga membuat pengiraan pendapatan larasan daripada Akaun Untung Rugi, Lembaran Imbangan yang diaudit dan Akaun Ketua Pengarah Takaful (Akaun KPT / *'DGT Accounts'*). Gunakan Lampiran ini untuk mengira pendapatan larasan dana takaful keluarga. Sebelum Lampiran ini diisi, sila patuhi perkara-perkara berikut:

3.1 Pengasingan pendapatan mengikut punca

Rujuk kepada perenggan 60AA(2)(c) berhubung dengan keperluan menyimpan akaun berasingan bagi dana takaful keluarga dan dana pemegang saham.

3.2 Penggunaan pengenalan perniagaan
(perniagaan 1 dan 2)

Rujuk kepada penerangan mengenai pengenalan perniagaan di muka surat 27.

Guna perniagaan 1 bagi dana takaful keluarga.

Guna perniagaan 2 bagi dana pengendali takaful.

Bahagian A2A(a): Pengiraan Pendapatan Larasan Bagi Perniagaan Takaful Berkaitan Dana Takaful Keluarga

3.3 Cara menguna Bahagian A2A(a) Lampiran A2A

Ruang	Perkara	Keterangan
A	Pendapatan kasar dari pelaburan	Masukkan pendapatan kasar dividen, faedah dan sewa di ruang ini seperti pembahagian yang telah ditetapkan mengikut dana.
B	Pendapatan kasar dari pelupusan pelaburan atau hak	Masukkan perolehan kasar seperti pembahagian yang ditetapkan mengikut dana.
C	Jumlah	Campurkan A dan B.
D	Kos memperoleh dan perbelanjaan melupuskan pelaburan atau hak berkaitan ruang B	Ruang ini merujuk kepada pelaburan atau hak di ruang B.
E	Pembahagian keuntungan yang diagihkan / dikreditkan kepada peserta	Amaun dari Akaun Ketua Pengarah Takaful (Akaun KPT).

Ruang	Perkara	Keterangan
F	Pembahagian keuntungan yang diagihkan / dikreditkan ke dana pengendali takaful	Amaun dari Akaun Ketua Pengarah Takaful (Akaun KPT).
G	Jumlah	D *campur* E *campur* F
H	Pendapatan larasan / (Kerugian larasan)	Bagi pendapatan larasan – C *tolak* G Bagi kerugian larasan – G *tolak* C

Bahagian A2A(b): Pengiraan Pendapatan Larasan Bagi Perniagaan Takaful Berkaitan Dana Pengendali Takaful

Lampiran ini disediakan untuk membolehkan koperasi yang menjalankan perniagaan takaful membuat pengiraan dana pengendali takaful dari akaun untung rugi, lembaran imbangan yang diaudit dan Akaun Ketua Pengarah Takaful (Akaun KPT / '*DGT Accounts'*).

4. LAMPIRAN A3: PENGIRAAN PENDAPATAN LARASAN BAGI PERNIAGAAN INSURANS AM

Lampiran ini disediakan untuk membolehkan koperasi yang menjalankan perniagaan insurans am membuat pengiraan pendapatan larasan dari Akaun Untung Rugi, Lembaran Imbangan yang diaudit dan Akaun Ketua Pengarah Insurans (Akaun KPI / *'DGI Accounts'*). Bagi koperasi yang menjalankan perniagaan insurans komposit (insurans hayat dan insurans am), gunakan Lampiran A2 dan Lampiran A3. Sebelum Lampiran ini diisi, sila patuhi perkara-perkara berikut:

4.1 Pengasingan pendapatan mengikut punca

Rujuk kepada perenggan 60(2)(a) dan 60(2)(b) berhubung dengan keperluan menyimpan akaun berasingan bagi perniagaan insurans semula hayat, insurans am dan insurans semula.

4.2 Penggunaan pengenalan perniagaan
(perniagaan 1, 2 dan 3)

Rujuk kepada penerangan mengenai pengenalan perniagaan di muka surat 27.

Guna perniagaan 1 bagi insurans semula hayat

Guna perniagaan 2 bagi insurans am

Guna perniagaan 3 bagi insurans semula

4.3 Pengenalan perniagaan bagi perniagaan insurans komposit

Guna pengenalan perniagaan seperti berikut:

Perniagaan 1 - pendapatan dana hayat

Perniagaan 2 - pendapatan dana pemegang saham

Perniagaan 3 - insurans semula hayat

Perniagaan 4 - insurans am

Perniagaan 5 - insurans semula

4.4 Cara mengguna Lampiran A3

Keterangan tidak diberikan kerana maklumat boleh dipetik dari akaun yang diaudit dan Akaun KPI.

5. LAMPIRAN A3A: PENGIRAAN PENDAPATAN LARASAN BAGI PERNIAGAAN TAKAFUL AM

Lampiran ini disediakan untuk membolehkan koperasi yang menjalankan perniagaan takaful am membuat pengiraan pendapatan larasan dari Akaun Untung Rugi, Lembaran Imbangan yang diaudit dan Akaun Ketua Pengarah Takaful (Akaun KPT / *'DGT Accounts'*). Bagi koperasi yang menjalankan perniagaan takaful komposit (takaful keluarga dan takaful am), gunakan Lampiran A2A dan Lampiran A3A. Sebelum Lampiran ini diisi, sila patuhi perkara-perkara berikut:

5.1 Pengasingan pendapatan mengikut punca

Rujuk kepada perenggan 60AA(2)(a) dan 60AA(2)(b) berhubung dengan keperluan menyimpan akaun berasingan bagi perniagaan takaful semula keluarga, takaful am dan takaful semula.

5.2 Penggunaan pengenalan perniagaan
(perniagaan 1, 2 dan 3)

Rujuk kepada penerangan mengenai pengenalan perniagaan di muka surat 27.

Guna perniagaan 1 bagi takaful semula keluarga

Guna perniagaan 2 bagi takaful am

Guna perniagaan 3 bagi takaful semula

5.3 Pengenalan perniagaan bagi perniagaan takaful komposit

Guna pengenalan perniagaan seperti berikut:

Perniagaan 1 - pendapatan dana takaful keluarga

Perniagaan 2 - pendapatan dana pengendali takaful

Perniagaan 3 - takaful semula keluarga

Perniagaan 4 - takaful am

Perniagaan 5 - takaful semula

5.4 Cara mengguna Lampiran A3A

Keterangan tidak diberikan kerana maklumat boleh dipetik dari akaun yang diaudit dan Akaun KPT.

6. LAMPIRAN-LAMPIRAN LAIN

Lampiran	Keterangan
B1	Dibatalkan.
B2	Tolakan cukai di bawah seksyen 110 ACP 1967 berhubung pendapatan selain dividen.
B3	Tuntutan kredit seksyen 132 - Pendapatan dari negara yang mempunyai Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali dengan Malaysia.
B4	Tuntutan kredit seksyen 133 - Pendapatan dari negara yang tidak mempunyai Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali dengan Malaysia.
B5	Butir-butir harta tanah dan jumlah sewa.
C	Kadar pertukaran wang asing (purata tahunan) – disediakan sehingga Tahun Taksiran 2017. Mulai Tahun Taksiran 2018, sila rujuk Jadual Pertukaran Mata Wang Asing di Portal Rasmi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM): ***http://www.hasil.gov.my* > Laman Utama > Antarabangsa > Kadar Tukaran Wang Asing** atau ***http://www.anm.gov.my/index.php/pertukaran-mata-wang-asing.*** Jadual tersebut mengguna pakai jadual yang disediakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) berasaskan kadar tukaran mata wang Bank Negara Malaysia (BNM). Jadual ini hanyalah sebagai panduan umum sahaja dan masih tertakluk kepda perubahan yang dikeluarkan oleh BNM.
D	Kod tuntutan bagi: - perbelanjaan khas dan lain-lain tuntutan - potongan selanjutnya - potongan dua kali
E	Kod negara
F	Senarai negara yang mempunyai Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali dengan Malaysia ▪ Rujuk kepada lampiran ini untuk menentukan kadar cukai bagi pendapatan faedah, royalti dan fi bagi perkhidmatan teknikal. ▪ Kadar cukai pegangan mengikut Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali (PPPDK) boleh diakses di Portal Rasmi LHDNM melalui capaian berikut: ***http://www.hasil.gov.my > Laman Utama > Antarabangsa > Perjanjian Pengelakan Pencukaian Dua Kali > Kadar Cukai Pegangan PPPDK*** ▪ Semak senarai negara dalam lampiran ini untuk menentukan kelayakan menuntut kredit di bawah seksyen 132.
G	Kod perniagaan
H	Senarai Ketetapan Umum Ketetapan Umum boleh diakses di Portal Rasmi LHDNM melalui capaian berikut: ***http://www.hasil.gov.my > Laman Utama > Perundangan > Ketetapan Umum***
I	Senarai garis panduan dan borang permohonan untuk tuntutan insentif. ▪ Garis Panduan Teknikal boleh dicapai di Portal Rasmi melalui pautan berikut: ***http://www.hasil.gov.my > Laman Utama > Perundangan > Garis Panduan Teknikal*** ▪ Borang permohonan untuk tuntutan insentif boleh diperoleh dari Portal Rasmi LHDNM melalui capaian berikut:- ***http://www.hasil.gov.my > Laman Utama > Borang > Muat Turun Borang > Tuntutan Galakan***
J	Dibatalkan

7. HELAIAN KERJA

Helaian kerja adalah kemudahan yang disediakan untuk menentukan pendapatan berkanun, pelarasan kerugian, pelarasan baki insentif dan pelarasan baki elaun modal serta maklumat penting.

Jenis-jenis helaian kerja adalah seperti berikut:-

Helaian Kerja	Keterangan
HK-PC1	Perniagaan umum dan perkongsian. Helaian kerja ini hendaklah digunakan bagi perniagaan yang tidak menikmati insentif percukaian selain daripada perbelanjaan khas di bawah seksyen 34, potongan selanjutnya dan potongan dua kali.
HK-PC2	Pengiraan pendapatan berkanun bagi perniagaan perintis - seksyen 5 hingga seksyen 25 Akta Penggalakan Pelaburan 1986
HK-PC4	Pengiraan pendapatan berkanun bagi syarikat yang menikmati insentif Elaun Cukai Pelaburan (ECP) - seksyen 26 hingga seksyen 31 Akta Penggalakan Pelaburan 1986
HK-PC5	Pengiraan pendapatan berkanun bagi syarikat yang menikmati insentif di bawah Jadual 7A, Jadual 7B dan Elaun Infrastruktur - seksyen 133A dan Jadual 7A Akta Cukai Pendapatan 1967 - seksyen 133A dan Jadual 7B Akta Cukai Pendapatan 1967 - seksyen 41A dan seksyen 41B Akta Penggalakan Pelaburan 1986
HK-PC9	Pengiraan pendapatan berkanun bagi perniagaan insurans
HK-PC9A	Pengiraan pendapatan berkanun bagi perniagaan takaful
HK-C14	Pengiraan pendapatan berkanun - dividen
HK-C15	Pengiraan pendapatan berkanun - faedah / royalti
HK-C16	Pengiraan pendapatan berkanun - sewa
HK-F1	Pelarasan kerugian bagi perniagaan dan perkongsian
HK-F2	Pelarasan kerugian bagi perniagaan dan perkongsian yang menikmati insentif
HK-J	Pendapatan tahun kebelakangan yang belum dilaporkan
HK-M	Butir-butir bayaran kepada bukan mastautin yang melibatkan cukai pegangan
HK-C30	Potongan yang diperuntukkan khusus di bawah perenggan 65A(a)
HK-C31	Potongan yang diperuntukkan khusus di bawah perenggan 65A(b)

HK-PC1: PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN BAGI PERNIAGAAN DAN PERKONGSIAN

Nama

No. Cukai Pendapatan

No. Pendaftaran

Perniagaan **1** ☐ **2** ☐ **3** ☐ **4** ☐ **5** ☐

▲ *Tandakan 'X' dalam petak berkenaan*

Tahun Taksiran

Jenis Aktiviti Perniagaan

Kod Perniagaan

A. 1. Pendapatan Larasan Perniagaan
(Jika rugi, masukkan '0' ke ruang ini dan pindahkan amaun kerugian larasan ke Helaian Kerja HK-F1 / HK-F2 yang mana berkenaan)

TAMBAH:

2. Kenaan Imbangan

3. JUMLAH (A1 + A2)

TOLAK:

B. Elaun Modal boleh diserap
(Terhad kepada amaun di A3)

C. **PENDAPATAN BERKANUN** (A3 - B)

D. **PELARASAN BAKI ELAUN MODAL**

1. Baki bawa hadapan

TAMBAH:

2. Elaun Imbangan

3. Elaun Modal Tahun Semasa

4. JUMLAH (D1 + D2 + D3)

TOLAK:

5. Tuntutan diserap dalam tahun semasa
(amaun dari B)

6. **Baki hantar hadapan** (D4 – D5)

Perkongsian **1** ☐ **2** ☐ **3** ☐ **4** ☐ **5** ☐ **Tahun Taksiran** ☐☐☐☐

▲ *Tandakan 'X' dalam petak berkenaan*

Jenis Aktiviti Perniagaan ☐ **Kod Perniagaan** ☐☐☐☐☐

A. 1. Pendapatan Larasan Perkongsian ☐

(Jika rugi, masukkan '0' ke ruang ini dan pindahkan amaun kerugian larasan ke Helaian Kerja HK-F1 / HK-F2 yang mana berkenaan)

TAMBAH:

2. Kenaan Imbangan ☐

3. JUMLAH (A1 + A2) ☐

TOLAK:

B. Elaun Modal boleh diserap ☐
(Terhad kepada amaun di A3)

C. **PENDAPATAN BERKANUN** (A3 - B) ☐

D. **PELARASAN BAKI ELAUN MODAL**

1. Baki bawa hadapan ☐

TAMBAH:

2. Elaun Imbangan ☐

3. Elaun Modal Tahun Semasa ☐

4. JUMLAH (D1 + D2 + D3) ☐

TOLAK:

5. Tuntutan diserap dalam tahun semasa ☐
(amaun dari B)

6. **Baki hantar hadapan** (D4 – D5) ☐

HK-PC2: PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN BAGI PERNIAGAAN PERINTIS

Nama

No. Cukai Pendapatan

No. Pendaftaran

Tandakan 'X' dalam petak berkenaan. Pilih satu sahaja. Gunakan satu helaian kerja untuk satu jenis aktiviti / keluaran digalakkan.

KELULUSAN DI BAWAH AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986:

PERMOHONAN GALAKAN DIBUAT SEBELUM 1/1/1991

☐ PENDAPATAN LARASAN DIKECUALIKAN 100%

PERMOHONAN GALAKAN DIBUAT PADA ATAU SELEPAS 1/1/1991

☐ PENDAPATAN BERKANUN DIKECUALIKAN 100%

☐ PENDAPATAN BERKANUN DIKECUALIKAN 85%

☐ PENDAPATAN BERKANUN DIKECUALIKAN 70%

JENIS AKTIVITI / KELUARAN DIGALAKKAN:

Perniagaan **1** ☐ **2** ☐ **3** ☐ **4** ☐ **5** ☐

▲ *Tandakan 'X' dalam petak berkenaan*

Tahun Taksiran

Jenis Aktiviti Perniagaan

Kod Perniagaan

A. 1. Pendapatan Larasan Perniagaan
(Jika rugi, masukkan '0' ke ruang ini dan pindahkan amaun kerugian larasan ke ruang B Helaian Kerja HK-F2)

TAMBAH:

2. Kenaan Imbangan

3. JUMLAH (A1 + A2)

TOLAK:

B. Elaun Modal boleh diserap
(Terhad kepada amaun di A3)

C. **PENDAPATAN BERKANUN** (A3 - B)

D. Pengiraan pendapatan berkanun kena cukai dan yang dikecualikan cukai

1. Pendapatan berkanun kena cukai =

	%	x	**(C)**		=	

2. Pendapatan berkanun dikecualikan cukai =

	%	x	**(C)**		=	

E. Untuk pengiraan di bawah seksyen 21C, sila gunakan Bahagian ini untuk memperoleh pendapatan nilai tambahan

1. Pendapatan berkanun (*amaun dari C*)

TOLAK:

2. Pendapatan asas yang dilaraskan mengikut inflasi
   (Sila rujuk perenggan 21C(2A)(b) untuk pengiraan)
3. Pendapatan nilai tambahan

Sila gunakan Bahagian ini untuk membuat tolakan kerugian (jika ada)

F. PENGIRAAN PENDAPATAN PERINTIS DIKECUALIKAN CUKAI

1. Amaun dari ruang A1 / C / D2 / E3

TOLAK:

2. Kerugian seksyen 21A APP 1986
   (bukan aktiviti / keluaran digalakkan)
3. Kerugian seksyen 25(2) APP 1986
   [rugi perintis bawa hadapan dan rugi perintis tahun semasa daripada perniagaan perintis lain (jika ada)]
   (Pindahkan amaun ini ke ruang D Helaian Kerja HK-F2)
4. **PENDAPATAN PERINTIS DIKECUALIKAN CUKAI** (F1 - F2 - F3)

G. PELARASAN BAKI ELAUN MODAL

1. Baki bawa hadapan

TAMBAH:

2. Elaun Imbangan
3. Elaun Modal
4. JUMLAH (G1 + G2 + G3)

TOLAK:

5. Tuntutan diserap dalam tahun semasa *(amaun dari B)*
6. **Baki hantar hadapan** (G4 – G5)

HK-PC4: **PENGIRAAN PENDAPATAN BERKANUN BAGI SYARIKAT YANG MENIKMATI INSENTIF ELAUN CUKAI PELABURAN (ECP)**

Nama

No. Cukai Pendapatan

No. Pendaftaran

Perniagaan 1 ☐ 2 ☐ 3 ☐ 4 ☐ 5 ☐

▲ *Tandakan 'X' dalam petak berkenaan*

Tahun Taksiran

Jenis Aktiviti Perniagaan

Kod Perniagaan

A. 1. Pendapatan Larasan Perniagaan

(Jika rugi, masukkan '0' ke ruang ini dan pindahkan amaun kerugian larasan ke Helaian Kerja HK-F1 / HK-F2 yang mana berkenaan)

TAMBAH:

2. Kenaan Imbangan

3. JUMLAH (A1 + A2)

TOLAK:

B. Elaun Modal boleh diserap

(Terhad kepada amaun di A3)

C. **PENDAPATAN BERKANUN** (A3 - B)

TOLAK:

D. **PENGIRAAN TUNTUTAN ELAUN CUKAI PELABURAN (ECP)**

1. Baki ECP bawa hadapan

2. ECP tahun semasa:

☐ % x ☐ = ☐

(perbelanjaan modal yang layak)

3. JUMLAH (D1 + D2)

E. Had sekatan Pendapatan Berkanun ☐ % x **C** =

F. Elaun Cukai Pelaburan diserap

(D3 atau E, yang mana lebih rendah)

G. **PENDAPATAN BERKANUN DIKENAKAN CUKAI** (C - F)
